

ARKEOLOGI PRASEJARAH DI KEDAH-PULAU PINANG: SATU TINJAUAN KRONOLOGI, EVOLUSI BUDAYA DAN PERSEKITARAN

PREHISTORIC ARCHAEOLOGY IN KEDAH-PENANG: REVIEW ON CULTURE AND ENVIRONMENT CHRONOLOGY AND EVOLUTION

Mohd Fauzan Zuraidi, Zuliskandar Ramli & Yunus Sauman

Abstrak

Negeri Kedah dan Pulau Pinang sememangnya mempunyai catatan sejarahnya yang tersendiri khususnya di dalam konteks prasejarah. Pulau Pinang menerusi Guar Kepah, telah menjadikannya sebagai bukti utama bagi keberadaan masyarakat prasejarah di Pulau Pinang, yang mana kawasan ini telah dijumpai oleh G.W. Earl pada tahun 1851. Menerusi kajian awal yang telah dilakukan, dijumpai beberapa artifak penting tentang kewujudan masyarakat prasejarah di Guar Kepah seperti timbunan cengkerang kepah dan kerang yang di dalamnya ditemui rangka manusia, alat batu, sisa makanan, manik dan pecahan tembikar. Guar Kepah merupakan sebuah kawasan yang terletak di Seberang Perai, dan berhampiran dengan Sungai Muda yang menjadi pemisah diantara Pulau Pinang dan Kedah. Menerusi kajian yang dilakukan oleh G.W. Earl, telah berlakunya kajian lanjutan yang dijalankan oleh beberapa pengkaji luar dan pengkaji tempatan. Melalui kajian yang telah dilakukan dapat disimpulkan bahawa Guar Kepah ini telah menjadi kawasan penempatan/hunian bagi masyarakat Hoabinhian dan Neolitik, ini berdasarkan hasil penelitian yang telah dilakukan oleh Callenfels (1936) dan penelitian ini turut diperkatakan oleh para penyelidik tempatan dan sebahagiannya adalah Ahmad Hakimi (1994) telah menyatakan bahawa tapak Guar Kepah ini merupakan tapak hunian bermusim bagi masyarakat Hoabinhian dan Neolitik. Di Kedah, menerusi beberapa kawasan seperti Baling dan Kodiang telah mencatatkan kewujudan masyarakat prasejarah hasil dari kajian yang telah dilakukan oleh Collings (1936) di Baling dan Williams-Hunt (1951) di Gua Berhala, Kodiang dan Bukit Keplu. Menerusi kajian yang dilakukan ini, telah ditemukan beberapa artifak prasejarah seperti alat batu, tembikar, rangka manusia dan lain-lain. Namun begitu sehingga kini hanya kawasan Baling sahaja yang diteruskan penelitian dan kajian disebabkan kawasan Baling ini khususnya di Gunung Baling dan Gunung Pulai masih mempunyai beberapa kawasan yang berpontensi jika dibandingkan dengan Kodiang yang di mana kawasan yang berpontensi dahulunya telah musnah akibat aktiviti pertanian. Baling merupakan kawasan yang dikelilingi gua batu kapur di samping mempunyai aliran sungai yang besar seperti Sungai Muda yang menjadi sungai utama bagi Daerah Baling dan diikuti dengan Sungai Ketil yang merupakan lembangan terbesar di Baling. Menerusi kajian dan ekskavasi yang dijalankan oleh Collings (1936) telah dinyatakan olehnya bahawa kawasan Baling ini telah didiami oleh masyarakat Hoabinhian dan Neolitik hasil dari penemuan kapak batu Zaman Hoabinhian dan beliung batu Zaman Neolitik. Jumpaan ini ditemukan di dua buah gua iaitu Gua Debu dan Gua Kelawar yang terletak dalam kawasan Baling. Selain itu, Hakimi (2008) turut menyatakan bahawa di Kedah telah adanya

kehidupan zaman prasejarah bermula dengan masyarakat Hoabinhian kira-kira 5000 tahun yang lalu. Melalui rekod kajian terdahulu ini, dapat disimpulkan bahawa Kedah-Pulau Pinang merupakan kawasan yang menjadi pilihan bagi masyarakat prasejarah meliputi Hoabinhian-Neolitik disebabkan kawasan-kawasan ini amat kaya dengan sistem biodiversitinya sekaligus sesuai untuk dijadikan sebagai tapak hunian sementara dan kekal.

Kata kunci: Prasejarah, Kedah-Pulau Pinang, Ekskavasi, Artifak, Hunian

Abstract

The states of Kedah and Penang have their own historical records, especially in the prehistoric context. In Penang, Guar Kepah can be treated as the main evidence for the existence of prehistoric communities which was first discovered by G.W. Earl in 1851. Based on the initial study conducted, several important artefacts related to the existence of prehistoric society in Guar Kepah were discovered, such as piles of mussels and clams where human skeletons, stone tools, food waste, beads and pottery fragments were found inside. Guar Kepah is an area located in Seberang Perai and near to the Sungai Muda river which is treated as the divider between Penang and Kedah. In addition to this, several external and local researchers had conducted further studies based on G.W. Earl research. Based on the studies done, it can be concluded that Guar Kepah was once a settlement area for Hoabinhian and Neolithic communities. This conclusion is drawn based on the research result conducted by Callenfels (1936), in which his analysis was further discussed by several local researchers such as Ahmad Hakimi (1994) who stated that the Guar Kepah site is a seasonal habitat site for Hoabinhian and Neolithic communities. In Kedah, studies conducted by Collings (1936) and Williams-Hunt (1951) had revealed the existence of prehistoric societies in Baling and Kodiang. Through their research, several prehistoric artefacts were discovered, such as stone tools, pottery, human skeletons and others. However, to date, Baling is the only area where research is still being conducted as it has several potential areas – particularly Gunung Baling and Gunung Pulai – compared to Kodiang, where much of the previous potential areas were destroyed by agricultural activities. Baling is an area which is surrounded by limestone caves and has two large flowing rivers, namely Sungai Muda which is the main river for Baling District and Sungai Ketil, the largest water basin in Baling. Based on Collings (1936) research and excavations, he stated that the Baling area were inhabited by Hoabinhian and Neolithic communities based on the discovery of Hoabinhian Age stone axes and Neolithic Age stone pickaxes. These items were found in two caves, Gua Debu and Gua Kelawar, both of which are located in the Baling area. In addition to this, Hakimi (2008) also stated that prehistoric life beginning with the Hoabinhian community had existed in Kedah about 5,000 years ago. Therefore, based on the records of previous studies, it can be concluded that Kedah-Penang is an area preferred by the Hoabinhian-Neolithic prehistoric communities as these areas are very rich in the biodiversity system and suitable to be used as temporary and permanent habitat.

Keywords: Prehistoric, Kedah-Pulau Pinang, Excavation, Artefact, Settlement

PENGENALAN

Arkeologi merupakan satu bidang khusus, di dalamnya terdapat cara atau kaedah yang digunakan bagi mendapatkan sesuatu maklumat dan data berkenaan sesuatu yang terkait dengan pensejarahan. Di dalam arkeologi terdapatnya proses cari gali atau ekskavasi malah terkandung juga proses saintifik dalam menganalisis sesuatu perkara bagi mengesahkan lagi data atau penemuan artifak yang ditemui tersebut. Melalui ini, maklumat yang diperolehi secara rasminya akan disimpan dan tercatat sebagai sebuah catatan sejarah yang bermakna buat sesuatu masyarakat dan Negara. Di Malaysia

secara amnya, penyelidikan arkeologi telah memberikan pelbagai sumbangan data sejarah yang begitu berharga antaranya membabitkan kewujudan zaman prasejarah. Zaman prasejarah merujuk kepada zaman silam yang tidak mempunyai sebarang rekod tulisan (Hole & Heizer 1990). Untuk mengkaji dan memahami zaman ini para pengkaji sering menumpukan kepada penemuan artifak dan ekofak semasa kerja ekskavasi dan survei yang dijalankan. Penemuan artifak dan ekofak di tapak – tapak arkeologi kemudiannya akan dianalisis dengan menggunakan teknik perbandingan dan saintifik untuk membina kronologi tapak dan asosiasi artifak yang ditemui dengan sosio-budaya, kegiatan ekonomi dan teknologi masyarakat yang mendukungnya.

Hasil daripada penyelidikan arkeologi yang dilakukan terdapat banyak bukti menunjukkan Malaysia mempunyai zaman prasejarah. Data arkeologi telah mendedahkan bahawa zaman prasejarah di Malaysia telah bermula sejak Zaman Paleolitik. Terdapat beberapa tapak Zaman Paleolitik yang telah dikenalpasti antaranya di Lembah Lenggong, Perak, Lembah Mansuli, Sabah, Gua Niah Sarawak serta Gua Cha di Kelantan (Adnan et al. 2018). Penemuan ini sedikit sebanyak menunjukkan kepentingan Malaysia dalam aspek menyumbang pengetahuan berkaitan Zaman Paleolitik di dunia. Dengan melihat kepada data yang diperolehi berdasarkan pentarikhan mutlak yang dilakukan membuktikan bahawa Zaman Paleolitik di Malaysia telah bermula lebih 200-000 tahun yang lalu di tapak Bukit Jawa Lenggong, Perak dan Tapak Mansuli Lahad Datu, Sabah (Adnan et al.2018).

Kegiatan arkeologi di Kedah telah bermula sejak 150 tahun yang lalu, membabitkan pengkaji dari dalam dan luar Negara. Hasil dari setiap aktiviti pengkajian ini telah dapat dikenalpasti beberapa kawasan atau tapak yang berpontensi dalam kewujudan masyarakat prasejarah di Kedah. Melalui pengkajian ini juga turut dijumpai pelbagai jenis artifak seperti alat batu, tembikar, rangka manusia dan lain-lain lagi, ini jelas membuktikan bahawa wujudnya masyarakat prasejarah di Kedah. H.D. Collings antara pengkaji terawal yang memasuki Kedah dengan melakukan pemerhatian dan kajian masyarakat prasejarah berdasarkan kawasan-kawasan yang tertentu. Hasil yang diperolehi telah menjadikan kajian ini berterusan dengan diikuti oleh pengkaji-pengkaji yang lainnya seperti Adi Taha (1983/1987), G.W Earl (1861) dan lain-lain lagi. Melalui H.D. Collings kajian terawalnya terarah di kawasan Baling antaranya Gua Debu, dan Gua Kelawar yang telah dijumpai beberapa artifak seperti kapak batu, kapak, dan beliung batu yang dirumuskan sebagai kegunaan masyarakat zaman Hoabinhian. Kemudiannya beberapa kawasan yang lainnya telah di lakukan kajian seperti di kawasan Kodiang (Adi Taha 1983-1987) meliputi Gua Berhala, Gua Pasir dan Gua Taufan yang masing-masingnya terletak di Bukit Kepelu Kodiang Kedah. Di samping itu, diikuti juga dengan Guar Kepah G.W. Earl (1861) yang membawa kepada jumpaan rangka manusia dan alat batu yang belum dilicinkan lagi. Hasil dari penemuan ini telah disimpulkan bahawa kawasan ini didiami oleh masyarakat Zaman Hoabinhian 5000 atau 6000 tahun yang lalu (Hakimi 2008).


Hasil dari penelitian kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tedahulu, dapat dirumuskan bahawa Kedah menjadi kawasan hunian bagi masyarakat awal prasejarah meliputi masyarakat Hoabinhian dan Neolitik dan ini tidak termasuk bagi kategori protosejarah yang wujud selepas prasejarah. Penelitian ini seiring dengan kajian yang dilakukan oleh Professor W.G. Solhiem (1961) yang telah mengutarakan bahawa tahap perkembangan arkeologi di Malaysia boleh dibahagikan pada 4 tahap atau fasa, fasa 1 tahun 1840-1910, fasa 2 tahun 1910- 1957, fasa 3 tahun 1958-1970, fasa 4 tahun 1970- kini..

GEOLOGI & GEOMOFORLOGI KEDAH: BALING SEBAGAI KAWASAN HUNIAN MASYARAKAT PRASEJARAH

Kedah merupakan sebuah Negeri yang terletak di Utara Semenanjung Malaysia, dengan bentuk muka buminya yang kaya dengan hasil alam semulajadi. Rupa buminya agak rata dan keluasan tanah yang besar menjadikannya sebagai Negeri yang terkenal dengan hasil pertanian seperti tanaman padi. Di samping itu juga, kedudukannya yang terletak di zon Utara Semenanjung Malaysia menjadikannya sebagai kawasan yang berhampiran dengan Negeri Perlis dan Thailand di samping ianya juga bersempadanan dengan Negeri Perak di Selatan dan Pulau Pinang ke arah Barat daya. Di dalam Negeri Kedah, terdapat 14 buah Daerah dan salah satunya adalah Daerah Baling, yang

bersempadanan dengan Daerah Kulim di sebelah Selatan, Daerah Kuala Muda di sebelah Barat. Kawasan Baling ini juga bersempadanan dengan Thailand di sebelah Timur Laut dan berhampiran juga dengan Negeri Perak yang terletak di sebelah Tenggara. Umum mengetahui Baling merupakan kawasan yang dikategorikan sebagai kawasan perkampungan utama di Kedah dan disebabkan ini juga faktor geografinya yang kaya dengan alam semulajadi seperti hutan, gunung ganang, dan mempunyai aliran sungai yang besar seperti Sungai Muda yang menjadi sungai utama bagi Daerah Baling di samping menjadi pemisah diantara Kedah-Pulau Pinang dan diikuti dengan Sungai Ketil yang merupakan lembangan terbesar di Baling.

Jika dilihat dari sudut geografinya, tidak hairanlah Baling merupakan kawasan yang menjadi pilihan utama bagi masyarakat prasejarah suatu ketika dahulu. Jika dilihat kembali ciri-ciri bagi masyarakat zaman prasejarah adalah mereka menggunakan kawasan yang terbuka dan menjadikan tapak gua sebagai kawasan untuk dihuni dan menjalankan aktiviti seharian mereka di samping terlindung dari ancaman banjir dan serangan binatang buas di mana kedudukan gua tersebut dalam kedudukan yang tinggi dan mempunyai tahap pencahayaan yang baik (Tweedie 1953). Selain itu juga, hidup mereka ini sangat hampir dengan kawasan sungai yang dijadikan mereka sebagai sumber makanan dan minuman di samping, kawasan berkelikir batu untuk mendapatkan bahan mentah dan membuat alatan batu. Apabila melihat kepada ciri-ciri ini pastinya Baling merupakan kawasan yang lengkap dengan keperluan bagi dijadikan kawasan hunian oleh masyarakat prasejarah dahulunya.



Peta 1. Peta tipologi Pekan Baling
(Sumber: Muhammad Afiq 2015)

Kedah juga mempunyai beberapa keistimewaan yang tersendiri yang secara tidak langsung telah menghasilkan keunikan perkembangan sejarah yang dilaluinya dan keistimewaan ini juga termasuklah bagi Daerah Baling. Maka dapat dikatakan bahawa Baling merupakan kawasan yang

menyimpan pelbagai data sejarah lampau sekaligus menjadikan Kedah sebagai Negeri yang kaya dengan sejarah. Dari sudut prasejarah pula, Semenanjung Malaysia disifatkan sebagai jambatan atau landasan yang dilalui oleh manusia di dalam proses migrasi dari Utara ke Selatan dan seterusnya ke kepulauan Asia Tenggara dan Pasifik. Selain itu juga, kira-kira 14000 tahun yang lalu iaitu meliputi Zaman Plestosen akhir telah berlakunya perubahan suhu iklim bumi, mengakibatkan manusia yang menetap di kawasan pesisir pantai pindah ke kawasan pedalaman yang lebih redup disebabkan hutan tropika mula membiak (Sorensen 1988). Dari kenyataan ini dapat digambarkan bahawa masyarakat prasejarah dahulunya telah berpindah ke kawasan hutan mahupun gunung ganang bagi meneruskan kehidupan mereka dengan lebih selesa maka, mungkin disebabkan inilah terdapatnya data atau catatan berkenaan ciri-ciri bagi masyarakat prasejarah itu sendiri. Namun begitu, ada juga segelintirnya yang memilih kawasan pesisir pantai yang terbuka sebagai kawasan hunian seperti Gua Kepah (Evans 1930) dan Telok Auson (Adi 1983).

Penyelidikan arkeologi prasejarah di Kedah melibatkan kawasan terbuka dan di dalam gua-gua batu kapur. Gua-gua batu kapur ini juga merupakan tempat tinggal atau tempat persinggahan masyarakat zaman prasejarah. HD Collings merupakan orang yang pertama menyingkap tentang kewujudan tapak Prasejarah di Negeri Kedah dengan membuat kajian di Gunung Baling. Dua buah gua telah dilakukan ekskavasi iaitu Gua Debu dan Gua Kelawar (Collings 1936). Budaya material yang ditemui di gua ini terdiri dari kapak batu Zaman Hoabinhian, kapak dan beliung batu zaman Neolitik, batu pengasah, batu penumbuk dan tembikar tanah. Melalui penyelidikan ini lah diketahui umum bahawa di Kedah telah adanya kehidupan zaman prasejarah bermula dengan masyarakat Hoabinhian kira-kira 5000 tahun yang lalu (Hakimi 2008). Di samping kawasan hunian yang didiami oleh masyarakat Hoabinhian ini, ciri ciri mereka ini juga dapat dikenalpasti melalui jenis artifaknya yang bercirikan Sumatralith dan batu pebel (Adi 1989).

Dari sudut geomorfologi kawasan Gunung Baling, Gunung Pulau dan Gunung Dalam Wang ini, ianya dikelompokkan sebagai kumpulan Baling atau Baling Group. Di mana batuanannya terdiri daripada papelut Quartzite, Grik Siltstone, Bendang Riang Formation dan Lawin Tuff (Foo Khong Yee 1983). Manakala batuanannya terdiri daripada shale, arenite, calcareous shale dan limestone (Burton 1970). Kumpulan ini juga boleh dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu di kawasan Timur Kedah yang meliputi kawasan Pekan Baling dan di kawasan Utara Perak yang meliputi sebahagian kawasan Grik dan Kroh (Jones 1973). Kumpulan batuan ini juga dikelaskan kepada argillaceous, arenaceous shale, spotted shale, phyllite, metamorphosed siliceous shale, siltstone, chert, quartz-biotite hornfels, calcareous quartzite, ironstone, wollastonite, limestone, hornfels, plagioclase, clinzoisite, epidote, hornblende, biotite, microcline, zoisite dan sphene (Yuniarti ulfa et al. 2014).

Di sekitar kawasan Baling pula, Gunung Pulau merupakan puncak tertinggi dengan 1968 kaki (Jones 1973). Sebahagian besar batuan di sekitar Baling ini terdiri daripada batu kapur dari jenis calc-silicate facies yang bersifat keras, kasar, berlapis-lapis, kehijauan, kekelabuan, keputih-putihan dan kekuningan, batuanannya terdiri daripada silt-grade hornfels, quartz, calcite, garnet, wollastonite, plagioclase clinozoisite, epidote, hornblende, biotite, tremolite, microcline, zoisite, dan sphene (Jones 1973).

Nama Kumpulan Baling diambil daripada Pekan Baling yang terdapat di Kedah, yang mana jujukan batuan daripada kumpulan ini tersebar di sekitar kawasan ini. Pada peringkat awal, jujukan ini di kenali dengan nama Formasi Baling, tetapi telah dinaikkan tarafnya menjadi Kumpulan Baling. Kumpulan Baling tertabur di sebelah timur daripada Formasi Mahang dan Formasi Semanggol. Batuan daripada kumpulan ini boleh ditemui di sekitar kawasan Baling, Kedah, dan juga sekitar Grik, Perak. Kumpulan Baling dan Formasi Mahang adalah setara dari segi litologi dan usia, tetapi kedua-duanya dipisahkan oleh jasad granit.

Formasi Baling terdiri daripada batuan sedimen arenit, berkalka dan berargilit yang telah termetamorf. Kebanyakan batuan ini berkarbon. Untuk kawasan Baling, dimana formasi ini mula diperkenalkan oleh Burton (1970), Formasi Baling dibahagikan kepada 4 fasies iaitu Fasies arenit, Fasies batu kapur, Fasies argilit, Fasies kalka-silikat (Calc-silicate).

Dalam Formasi baling, terdapat beberapa lapisan atau kekanta batu kapur, dan dikenali sebagai fasies batu kapur. Tebal fasies ini daripada beberapa mm hingga lebih 1600m. Batu kapur kebanyakannya berwarna putih dan berlapis tebal atau masif. Terdapat juga yang berwarna gelap disebabkan kandungan bahan berkarbon, dan berdekatan dengan fasies argilit. Batu kapur ini telah termetamorf dan menghablur semula. Penghabluran semula ini telah memusnahkan kebanyakan struktur sedimen dan tinggalan bahan organik yang ada.

LEMBANGAN SUNGAI MUDA & LEMBANGAN SUNGAI MERBOK


Lembangan Sungai Muda yang terletak di Negeri Kedah merupakan sebuah kawasan tadahan sungai yang seluas 4.219 km, yang merupakan sebuah sungai terpanjang di Kedah iaitu sepanjang 178 km. Kederasan aliran lembangan Sungai Muda ini bermula dari aliran air terjun yang bermula dari kawasan pergunungan bahagian Utara Negeri Kedah. Aliran air sungai yang terus keluar ke Selat Melaka melalui beberapa Daerah seperti Daerah Sik, Baling dan juga Kulim. Lembangan Sungai Muda bersambung terus ke sungai-sungai utama seperti Sungai Ketil, Sungai Lahar Endin, Sungai Tembus, Sungai Sadim, Sungai Chepir, Sungai Teliang dan Sungai Sok. Lembangan sungai ini juga menjadi tanda sempadan di antara Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang. Lembangan Sungai Muda menjadi nadi kepada pola petempatan masyarakat sejak zaman prasejarah sehingga ke Zaman Protosejarah. Malahan ada petempatan yang terus kekal sehingga ke hari ini.

Pengkajian tentang Sungai Muda dalam aspek sejarah mula timbul apabila beberapa penemuan artifak penting dan juga struktur binaan ditemui di antara tebing Selatan Lembangan Sungai Merbok dan tebing utara Lembangan Sungai Muda. Kedua-dua lembangan ini mempunyai satu aliran anak sungai iaitu Sungai Terus yang menghubungkan diantara kedua-dua Lembangan Sungai Merbok dan juga Lembangan Sungai Muda. Kajian penelitian arkeologi dalam beberapa tahun di kawasan tersebut telah membongkarkan beberapa artifak penting serta tinggalan struktur.

Kolonel James Low buat pertama kalinya pada tahun 1848 hingga 1849 juga merupakan pentadbir British di Negeri-negeri Selat yang telah menjalankan peninjauan di kawasan sekitar Lembah Bujang termasuk di Lembangan Sungai Muda dan Sungai Merbok. Antara artifak yang ditemui oleh Low termasuk Inskripsi Buddha Cherok Tokun, inskripsi Buddhagupta dan juga inskripsi Bukit Meriam. Jumpaan inskripsi Cherok Tokun ditemui di Bukit Mertajam manakala inskripsi Bukit Meriam ditemui di tengah-tengah batu-bata purba dekat Bukit Meriam arah ke Barat Sungai Terus (Low 1849).

KAJIAN-KAJIAN PRASEJARAH DI KEDAH-PULAU PINANG

Penyelidikan arkeologi di Kedah bermula dengan tidak sengaja sehingga menemukan pelbagai jumpaan dan maklumat yang membawa kepada penemuan tempat yang berkaitan dengan masyarakat prasejarah. Di antara gua prasejarah ataupun kawasan yang berpontesi adalah kebanyakannya di kawasan Baling. Selain dari itu hasil dari kajian dan penemuan yang tercatat dapat disimpulkan masyarakat prasejarah di Kedah ini bermula dengan masyarakat Hoabinhian dan diikuti dengan Zaman Neolitik. Kajian-kajian prasejarah di Kedah-Pulau Pinang ini masih diteruskan lagi sehingga kini dengan berdasarkan data-data yang sudah direkodkan oleh pengkaji-pengkaji dahulunya, seperti diketahui kebanyakan kajian-kajian ini diteruskan dengan tertumpu di kawasan Baling disebabkan kawasan ini merupakan kawasan yang mempunyai potensi yang tinggi untuk dijadikan kawasan hunian oleh masyarakat prasejarah dahulunya. Ini juga turut berdasarkan dari aspek geografinya, yang di mana kawasan Baling, dikelilingi gunung dan gua batu kapur di samping berhampiran dengan lembangan sungai yang besar, sekaligus menepati ciri utama bagi kawasan hunian masyarakat prasejarah pada ketika itu.



Peta 2. Menunjukkan pemetaan kawasan Baling, Kedah (tanda merah) dan kawasan Pulau Pinang (Sumber: Koleksi peribadi)



Peta 3. Kawasan setiap Daerah yang terdapat di dalam Negeri Kedah (Sumber: Koleksi peribadi)

GUAR KEPAH SEBERANG PERAI

Pada tahun 1861 dalam laporan yang dikeluarkan oleh Earl hasil dari lawatannya di kawasan Guar Kepah yang berhampiran Sungai Muda dan telah melaporkan wujudnya tiga timbunan kerang di kawasan Guar Kepah pada lawatan pertamanya pada tahun 1851. Earl menyatakan kawasan tersebut telah dijadikan kawasan pembakaran kulit kerang bagi menghasilkan kapur yang digunakan untuk dimakan dengan sirih, membuat cat, sebagai bahan pertanian dan juga pembinaan (Earl 1861). Pengusahaan ini telah menggunakan satu dari tiga timbunan kerang tersebut untuk penghasilan kapur. Akan tetapi dua timbunan tersebut masih tidak diganggu dan dalam keadaan yang asal. Beliau juga menyatakan bahawa kerang dalam timbunan tersebut telah membentuk satu lapisan konkrit, kerang-kerang tersebut telah melekat antara satu sama lain yang perlu dipecahkan (Earl 1861). Lapisan ini mungkin terbentuk akibat tekanan akan tetapi tidaklah dalam jangka masa yang lama. Earl mendapati bahawa isi kerang-kerang tersebut telah diambil sebelum ianya dicampak sehingga menjadi timbunan kerang tersebut. Kebanyakan daripada kerang yang membentuk ketiga-tiga timbunan tersebut adalah kerang laut yang dikenali sebagai kepah (cockle).

Laporan kewujudan timbunan kerang juga telah dilaporkan oleh I.H.N. Evans (1930) ketika beliau melawat tapak Guar Kepah. Penulisan beliau hanya sebagai laporan terhadap lokasi dan juga keadaan tapak tersebut. Beliau mendapati bahawa daripada satu timbunan kerang yang dilaporkan oleh Earl masih dapat dilihat dengan mata kasar. Evans menjangkakan bahawa timbunan yang masih ada itu merupakan timbunan kerang yang terbesar yang dilaporkan Earl. Timbunan ini hanya sekitar dua hingga ke tiga kaki ketinggian dari aras tanah sekelilingnya. Evans mengatakan bahawa diameter timbunan kerang itu lebih daripada 220 kaki.

Kemudiannya, P.V. Van Stein Callenfels telah menjalankan penyelidikan di Guar Kepah pada tahun 1935 dengan mengetuai sebuah penyelidikan arkeologi ekskavasi dari Raffles Museum (Van Stein Callenfels, 1938). Pada tahun 1935 beliau dalam misi kajian kebudayaan Australomelanesoid dan pada 1938 beliau telah menjalankan kajian ekskavasi di Guar Kepah. Beliau telah menandakan timbunan-timbunan kerang sebagai Shell Heap 'A', Shell Heap 'B', dan Shell Heap 'C'. Dalam penyelidikan Van Stein Callenfels (1938), beliau telah mengenalpasti bahawa ketiga-tiga timbunan kerang yang terdapat di Guar Kepah adalah terletak di atas sebuah permatang pasir yang pada waktu dahulu merupakan kawasan tepi sungai dan ianya terletak ditepi laut dan kemungkinan terletakinya muara Sungai Muda.

Pada tahun 1940, Mijsberg (1940) telah menganalisis rangka manusia yang dijumpai di Guar Kepah selepas laporan yang dilakukan oleh Van Stein Callenfels. Beliau mencadangkan bahawa rangka manusia tersebut adalah tergolong dalam kumpulan Palae-Melanesia. Kumpulan yang dinyatakan oleh beliau adalah berbeza dengan orang yang hidup di Papua dan Australia yang tergolong dalam kumpulan Manusia Melanesia. Selain itu, terdapat juga beberapa tapak yang mempunyai dua lapisan kebudayaan Hoabinhian dan Neolitik seperti di Gua Debu, Gunung Baling (Collings 1936), Bukit Tengku Lembu (William Hunt 1952), Bukit Chuping (Sieveking 1956), Kampung Wang Tangga dan Kerengga (William Hunt 1952).

Ahmad Hakimi Khairuddin telah membuat lawatan ke tapak Guar Kepah pada tahun 1994 dan beliau mengemukakan pendapat bahawa tapak Guar Kepah adalah tapak bermusim bagi masyarakat Zaman Hoabinhian dan Neolitik. Masyarakat ini membina rumah-rumah di atas tiang-tiang seperti yang terdapat di rumah melayu yang terletak di tebing-tebing sungai dan tepi pantai. Rumah di atas tiang ini lebih sesuai dengan kehidupan masyarakat Neolitik yang tinggal di kawasan terbuka. Longgokan timbunan cengkerang kepah yang banyak menunjukkan terdapat beberapa buah rumah dan beberapa buah keluarga yang tinggal berkumpul di kawasan Guar Kepah.

Ahmad hakimi juga berpendapat bahawa perkongsian sumber kepah oleh beberapa kumpulan manusia yang membuat rumah berasingan menunjukkan peningkatan dalam sistem organisasi yang lebih sesuai dengan kehidupan masyarakat Neolitik. Ini menunjukkan bahawa masyarakat zaman Hoabinhian di Guar Kepah telah berkembang sehingga kepada sistem organisasi Neolitik dan pada waktu yang sama menggunakan peralatan Zaman Neolitik (Ahmad Hakimi 2008).

Seterusnya di dalam penulisan Shaiful Shahidan 2018 telah menyatakan bahawa pada tahun 2005 Bulbeck telah melakukan kajian lanjutan, dimana beliau lebih berfokuskan pada kajian terhadap rangka manusia yang dijumpai di Guar Kepah dengan meneliti aspek analisis metrik terhadap koleksi yang disimpan di luar Negara. Hasil daripada analisis yang dilakukan oleh Bullbeck ini menunjukkan fitur Mongoloid telah dikenalpasti berdasarkan saiz gigi yang besar. Sepanjang kajian Bulbeck ini pengelasan semula telah dilakukan dan didapati sebanyak 41 rangka manusia Neolitik dari tapak Guar Kepah yang membabitkan Tapak A (1): Tapak B (31): Tapak C (9) yang berbeza daripada penilaian minimum yang dibuat oleh Jacob (37 rangka) dan Van Callenfels (88 rangka). Daripada jumpaan rangkaian manusia yang ditemui dapat dinisbahkan mengikut jantina iaitu lelaki dan perempuan adalah dalam nisbah 12:10. Rangka manusia di Tapak A sangat terkesan dengan proses pemendapan sedimen berbanding dengan Tapak B dan C sehinggakan rangka tersebut berkapur, terluluhawa dan sebahagian tulang hilang akibat mereput. Menerusi data tersebut Bulbeck telah merumuskan bahawa Guar Kepah ini telah digunakan sebagai tapak pengkebumian primer. Selain itu, jumpaan gigi rangka yang mempunyai kesan kemerahan ini dapat dijelaskan bahawa ianya adalah akibat aktiviti mengunyah sirih dalam jangka masa yang lama. Disebabkan itu, usia rangka ini dapat dianggarkan pada sekitar zaman Holosen Tengah iaitu diantara 4000-5000 tahun yang lalu. (Bulbeck 2003; Shaiful Shahidan 2018).

Pada tahun 2010, Foo Shu Tieng telah menjalankan penelitian semula terhadap artifak dan data ekskavasi Guar Kepah yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu seperti, Tweedie, Collings dan Callenfels. Ini dapat dilihat di dalam penerangan yang dilakukan oleh Shaiful Shahidan 2018 bahawa tujuan kajian Foo Shu Tieng ini adalah untuk memahami sumbangan tapak dan ekskavasi semasa Zaman Kolonial dalam pembentukan terma kebudayaan Hoabinhian di Asia Tenggara, serta melihat kerelevanan data ekskavasi lama dalam pembentukan teori baharu Prasejarah di rantau ini. Menurut Shaiful Shahidan lagi telah dinyatakan bahawa Foo Shu Tieng ini telah menjalankan survei lapangan di tapak Guar Kepah, serta merekodkan koordinat terbaharu tapak setelah kali terakhir direkodkan oleh Hakimi (1994). Hasil tinjauan lapangan dan perbandingan foto udara lama, beliau menyatakan bahawa tapak A terletak di utara Jalan Guar Kepah ($5^{\circ} 33' 32.36''\text{U}$, $100^{\circ} 25' 29.55''\text{T}$); tapak B terletak di bawah rumah burung ($5^{\circ} 33' 28.32''\text{U}$, $100^{\circ} 25' 28.61''\text{T}$) dan tapak C di sekitar rumah petani yang dibersihkan untuk aktiviti pertanian ($5^{\circ} 33' 24.80''\text{U}$, $100^{\circ} 25' 23.06''\text{T}$). Pemerhatian beliau juga turut mendapati bahawa tapak C sudah terganggu akibat aktiviti pertanian. Beliau juga telah menjalankan temu ramah dengan penduduk tempatan dan hasil dari temu ramah tersebut didapati telah berlaku kerja-kerja pengorekan timbunan cangkerang dilakukan pada sekitar tahun 70-an (Foo 2010; Shaiful Shahidan 2018).

Di dalam tahun yang sama, Mokhtar Saidin juga telah menjalankan ekskavasi arkeologi saintifik di tapak Guar Kepah pada tahun 2010, ianya berlaku selepas beliau menjalankan survei di sekitar utara Pulau Pinang dan selatan Kedah untuk menilai semula data dan penemuan baharu pada Zaman Protosejarah di Malaysia. Ekskavasi tersebut dijalankan di Tapak C yang berdasarkan label tapak oleh Hakimi (1994) yang menyatakan bahawa terdapat rumah yang telah dibina di atas timbunan cangkerang tapak (C). Namun begitu, pada tahun 2017, selepas pelarasan semula koordinat serta padanan imej satelit, foto udara dan data ekskavasi terdahulu, tapak ekskavasi ini sebenarnya merupakan Tapak (B) yang berkoordinat $5^{\circ} 33' 28.05''\text{U}$; $100^{\circ} 25' 28.29''\text{T}$, seperti yang dilabelkan oleh Callenfels (1936) dan Foo (2010). Ekskavasi secara sistematik dilakukan dengan saiz setiap petak seluas 1m^2 . Sebanyak 70 petak telah dibuka secara berselang seli di sebelah barat meliputi kawasan timbunan cengkerang tapak (B). Hasil ekskavasi mendedahkan jumpaan artifak seperti alat batu, barang perhiasan, tembikar, tulang dan gigi haiwan. Jumpaan tembikar di tapak ini jelas menunjukkan bahawa terdapatnya keberlangsungan kebudayaan Neolitik di kawasan ini (Mokhtar 2010; Shaiful Shahidan 2018).

Pada tahun 2017 sekali lagi Mokhtar Saidin telah melakukan kajian terhadap tapak Guar Kepah, dan penyelidikan ini tertumpu pada tapak (B) hasil rujukan dari pengkaji terdahulu iaitu Callenfels (1936). Melalui penyelidikan ini, sebuah ekskavasi secara terancang telah dilakukan dengan menggunakan kaedah piawai sistem spit yang bertujuan untuk mendedahkan sempadan dan bentuk timbunan cengkerang. Melalui kaedah ini juga sebanyak 81 buah petak telah dibuka dan hasil

dari ekskavasi ini telah ditemui artifak dan ekofak. Antaranya termasuklah spesies cengkerang seperti Arctidae, Arcidae, Naticidae, Turritellidae, Struthiolariidae dan *Meretrix meretrix*, dan alat batu seperti alat reph, batu pemukul, alat pebel dan beliung. Sisa tulang haiwan seperti babi, rusa dan cangkerang kura-kura turut ditemui. Serpihan tembikar tanpa ragam hias, bertanda tali, dan dengan ragam hias yang dijumpai dalam kuantiti yang banyak menjadi bukti bahawa masyarakat di tapak ini mengamalkan kebudayaan Neolitik. Jumpaan terpenting ekskavasi pada tahun 2017 ini ialah rangka manusia. Rangka manusia ini telah dikebumikan dengan lengannya dilipat ke dada dan dikelilingi oleh tembikar, alat batu dan beberapa spesies cengkerang yang memberikan maklumat berkenaan gaya hidup dan budaya masyarakat Prasejarah pada Zaman Neolitik (Mokhtar 2017; Shaiful Shahidan 2018).


BALING, KEDAH

Secara khususnya penyelidikan masyarakat prasejarah telah dijalankan terlebih dahulu oleh H.D. Collings, melalui kajian beliau telah dikemukakan beberapa tapak yang berpotensi seperti kawasan kajian pertama beliau di Baling Kedah pada tahun 1935. Selain itu, Adi Taha (1983 & 1987) turut melakukan penyelidikan di Kodiang dan telah menemukan tapak prasejarah yang menyimpan banyak data penting iaitu pelbagai jenis alat batu dan tembikar tanah berkaki tiga yang ditemui di Gua Berhala, Gua Pasir dan Gua Taufan di Bukit Kepelu, Kodiang Kedah. Umumnya di Kedah terdapat banyak kawasan yang terbuka dan kawasan yang mempunyai banyak gua yang bercirikan batu kapur, maka dengan ini dijadikan sebagai pilihan utama masyarakat prasejarah sebagai kawasan yang sesuai untuk didiami.

Perkara ini jelas apabila telah berlakunya perpindahan masyarakat prasejarah khususnya membabitkan masyarakat Hoabinhian yang mana terlebih dahulu mereka menetap di kawasan pesisir pantai kemudian berpindah ke kawasan hutan tropika atas sebab perubahan suhu iklim dan hutan tropika dijadikan kawasan baru atas faktor cuaca yang lebih redup (Sorensen 1988). Selain itu, masyarakat ini lebih memilih kawasan gua sebagai tempat lindung terutamanya daripada ancaman banjir, di mana kedudukan gua tersebut dalam kedudukan yang tinggi dan mempunyai tahap pencahayaan yang baik (Tweedie 1953). Maka disebabkan ini penulis telah terlebih dahulu menyatakan bahawa kawasan-kawasan di Kedah ini dijadikan pilihan utama masyarakat prasejarah untuk didiami.

H.D Collings pada tahun 1935 telah menjalankan ekskavasi di Gua Debu yang terletak di Gunung Baling (Collings 1936). Beliau juga telah melawat beberapa gua lain seperti Gua China, Gua Parit, Gua Kelawar, Gua Berhala, Gua Jarak dan Gua Pulai. Walaubagaimanapun, beliau hanya melakukan ekskavasi di Gua Debu dan Gua Kelawar kerana kawasan gua tersebut masih tidak terganggu oleh kegiatan manusia. Gunung ini merupakan satu formasi batu kapur yang bersempadan antara Hulu Perak dan Thailand. Gua Debu berkedudukan 70-80- kaki tinggi dari paras laut dan berkeluasan 22x50 kaki persegi. Hasil ekskavasi di Gua Debu beliau berjaya menemukan alat batu reph, kapak batu Hoabinhian, batu pengasah, batu pelandas, hematit, sisa makanan (*brodia costula*) pecahan tembikar yang dihiasi dengan cord marked / tanda tali dan kapak batu zaman Neolitik.

Hasil daripada kajian tersebut didapati bahan mentah batu yang digunakan oleh masyarakat disini diperoleh daripada Sungai Ketil kerana lokasinya agak dekat dengan gua-gua di sekitar kawasan tersebut dan terdapat juga sisa hematit di permukaan batu sungai yang digunakan sebagai batu reph (Collings 1936). Collings beranggapan bahawa tapak gua Debu pernah menjadi tapak hunian zaman Neolitik. Sewaktu ekskavasi di Gua Kelawar tidak banyak maklumat yang diperolehi melainkan artifak ditemui secara tidak sengaja oleh pelombong Cina yang mana penemuannya terdiri daripada alat batu paleolit, kapak batu, bark cloth beater, sisa makanan (*brodia costula*), tulang binatang dan pecahan tembikar yang dihias dengan cord marked.



Peta 4. Kawasan keberadaan Gunung Baling dan Gunung Pulai, Baling
(Sumber: Koleksi peribadi)

KAJIAN OLEH UKM DI BALING KEDAH

Melalui data-data kajian yang sedia ada khususnya di Gunung Baling dan Pulai, pihak ATMA UKM telah menjalankan proses survei bagi menjejaki semula tapak-tapak yang berpontensi sebagai kawasan hunian masyarakat prasejarah khususnya masyarakat Hoabinhian pada bulan Mac 2015. Namun begitu, terlebih dahulu, pihak Jabatan Warisan Negara (JWN) Zon Utara telah melakukan eksplorasi semula tapak Neolitik di Gunung Pulai pada Mac 2012 untuk mengenalpasti tapak –tapak baru yang berpotensi untuk diekskavasi. Antara tapak – tapak yang dijumpai ialah Gua Kelambu, Gua Tembus 1 dan 2, Gua Akar dan Gua Kecil.

Terdapat jumpaan permukaan yang berjaya diperolehi oleh pasukan ini antaranya alat batu unifas, pecahan tembikar cord marked, pecahan tembikar batu berlicau, sisa makanan (brotia costula) dan tulang binatang, batu pebel, alat batu hoabinhian dan batu reph. Kedudukan gua ini sangat dekat dengan sungai sehingga Collings (1936) berpendapat bahawa alat batu yang dihasilkan oleh masyarakat ini diambil daripada batu Sungai Ketil yang berkedudukan kira – kira 100 meter sahaja dari banjaran gunung ini. Di Gua Kelambu, terdapat sedikit kesan aktiviti manusia, namun ianya tidak menjejaskan potensi untuk diekskavasi kerana masih terdapat banyak lagi depositnya yang tidak musnah dan masih dalam keadaan baik. Semasa survei permukaan dijalankan oleh JWN, mereka berjaya menemui alat batu unifas, pecahan tembikar cord marked dan tembikar batu berlicau.

Gua Tembus 1 dan 2 pula terletak bersebelahan dimana gua Tembus 2 hanya kira-kira 20 meter dari Gua Tembus 1. Terdapat banyak jumpaan sisa cangkerang (*brodiaea costata*), (*spinosa*) yang bertaburan menutupi hampir keseluruhan lanai gua. Terdapat juga jumpaan pecahan tembikar cord marked, alat batu hoabinhian dan sisa tulang binatang.

Gua Kecil yang terletak kira – kira 200 meter dari arah barat Gua Kelambu ini mempunyai dua aras dimana lapisan budayanya telah musnah sepenuhnya lapisan budayanya. Namun, masih lagi terdapat jumpaan yang berjaya dijumpai di permukaan tanah seperti pecahan tembikar, alat batu pebel, cangkerang siput (*brodiaea costata*) dan sisa tulang binatang.

Pihak Jabatan Warisan Negara juga telah melawat juga Gua Akar yang terletak berhampiran Bandar Baling, dimana gua ini terletak bersebelahan dengan jalan raya. Namun begitu, gua ini telah dijadikan tempat pembuangan dan pembakaran sampah oleh penduduk di sekitarnya. Walaupun begitu, terdapat lagi jumpaan yang masih boleh ditemui seperti batu reph, pecahan tembikar dan cangkerang siput (*brodiaea costata*), dimana sebahagiannya terlekat di dinding dalam kuantiti yang banyak ini mungkin disebabkan proses luluhawa dan hakisan tanah yang telah berlaku di gua tersebut.

Rentetan dari hasil data kajian ini, pihak ATMA UKM telah menjejaki semula tapak-tapak ini dan survei yang dilakukan ini telah diketuai oleh Prof Madya Dr Zuliskandar Ramli. Tujuan utamanya, adalah untuk melihat jika masih terdapat gua yang berpotensi untuk diekskavasi. Hasil dari lawatan kali ini telah berjaya menemui satu gua yang boleh diekskavasi iaitu Gua Tok Sik. Di gua ini terdapat banyak jumpaan permukaan seperti cangkerang siput (*brodiaea costata*) dan pecahan tembikar cord marked. Kedudukan gua ini sangat hampir dengan Sungai Ketil yang mengalir terus ke lembangan Sungai Muda. Gua ini juga amat mudah dikenalpasti kerana hasil dari maklumat yang diberikan oleh jurupandu semasa lawatan kali kedua ini, dinyatakan bahawa terdapat batu besar berbentuk seperti burung di pintu masuk gua dan “burung” itu menjadi tanda atau simbol kepada gua tersebut.

Selain itu, pasukan ATMA UKM ini juga melawat empat gua lain disekitarnya. Namun begitu, hasil dari survei yang dijalankan ini agak mendukacitakan kerana gua-gua tersebut telah musnah depositnya yang disebabkan oleh kerja-kerja pengambilan baja tahi kelawar. Akan tetapi sewaktu survei ini dijalankan masih terdapat lagi beberapa jumpaan cangkerang siput *brodiaea costata* dan pecahan tembikar tanah.

Kajian yang dilakukan oleh ATMA UKM ini tidak terhenti disitu sahaja, apabila kajian ini diteruskan lagi pada 3 Oktober 2015. Sekali lagi pasukan ini, melawat Gunung Pulai dan Gunung Baling dan mereka akhirnya berjaya menemui Gua Kelambu, Gua Tembus dan Gua Layang.

Kedudukan Gua Kelambu agak dekat dengan kawasan penempatan masyarakat di situ, dimana terdapatnya kebun penduduk setempat dihadapan gua itu. Gua ini telah diganggu dengan kerja-kerja perlombongan baja tahi kelawar, namun masih lagi berpotensi dan tiada artifak yang ditemui semasa lawatan. Pasukan ini juga, telah memasuki ke Gua Tembus dan mendapati keadaan gua itu sama seperti yang telah dinyatakan oleh Jabatan Warisan Negara semasa lawatan mereka pada tahun 2012.

Di Gua Layang pula terdapat banyak jumpaan pecahan tembikar, dan batu pebel. Terdapat juga jumpaan sumatralith, dan alat penetak yang dibuat daripada batu pebel. Gua ini juga telah musnah lapisan budayanya disebabkan oleh kerja-kerja perlombongan baja tahi kelawar.

Dengan penemuan permukaan yang menarik ini, ternyata bahawa Gunung Baling merupakan salah satu lokasi penempatan masyarakat Hoabinhian dan Neolitik di Kedah berdasarkan laporan yang telah di buat oleh H.D Collings (1936) di Gua Debu dan Kelawar. Kesimpulan awal yang telah dilakukan oleh pasukan penyelidik ATMA UKM ini, hasil dari kajian lanjutan tersebut, dinyatakan bahawa kajian secara terperinci harus dijalankan. Hal ini disebabkan, mereka telah menemui sisa tinggalan masyarakat Neolitik dan hasil dari ini berkemungkinan besar Masyarakat di Gunung

Baling ini berinteraksi dengan masyarakat persisir di Guar Kepah. Perkara ini dapat dinilai berdasarkan pendapat Hall (1985) dimana beliau mendakwa bahawa terdapat hubungan perdagangan antara masyarakat persisir dan pedalaman sejak 5000 – 6000 tahun yang lalu berdasarkan jumpaan cowrie shell dimana masyarakat persisir menjadi orang tengah dalam memasarkan hasil hutan yang di usahakan oleh masyarakat pedalaman (Zuliskandar & Nik Hassan Shuhaimi 2012) dimana cowrie shell ini digunakan sebagai matawang (Zuliskandar 2014).

Jadual 1. Data yang telah dikumpulkan oleh ATMA, UKM berdasarkan kajian dan survei di Baling, Kedah
(Sumber: Muhammad Afiq 2017)


Bil.	Nama Gua	Jumpaan
1-	Gua Tok Sik	• Pecahan tembikar • Alat batu • Cangkerang siput
2-	Gua Tembus	• Cangkerang siput
3-	Gua Tembus 2	• Tembikar tanah • Tembikar batu • Seramik cina
4-	Gua Kelambu	• Alat batu pebel
5-	Gua Baling	• Pecahan tembikar • Alat batu • Cangkerang siput
6-	Gua Layang	• Alat batu Sumatralith • Pecahan tembikar • Cangkerang siput
7-	Gua Gelap	• Cangkerang siput
8-	Gua Ikan	• Cangkerang siput
9-	Gua Besar	• Cangkerang siput • Alat batu pebel • Sisa repehan • Alat batu Hoabinhian
10-	Gua Dalam Wang	• Pecahan tembikar • Kapak genggam • Batu pebel • Sisa repehan • Pecahan tembikar bermotif

EKSKAVASI YANG TELAH DIJALANKAN DI GUA TOK SIK DAN GUA BALING

Kajian lanjutan dan ekskavasi di Baling telah dijalankan oleh Muhammad Afiq pelajar ATMA UKM yang dipimpin oleh Prof Madya Dr Zuliskandar Ramli. Ekskavasi ini dijalankan hasil dari survei yang telah dilakukan berdasarkan kawasan-kawasan yang berpotensi, antara kawasan ini adalah Gua Tok Sik dan Gua Berhala.

Di Gua Tok Sik kajian ekskavasi telah dijalankan selama 3 minggu yang melibatkan pasukan penyelidik dan pelajar Sarjana dari ATMA UKM. Dari hasil penulisan artikel berkenaan gua ini antara maklumat yang diperolehi adalah kedudukan dan struktur Gua Tok Sik ini, dan hasil jumpaan yang telah ditemui berdasarkan sepanjang tempoh ekskavasi dijalankan.

Bacaan topografi tapak Gua Tok Sik ini mencatatkan bacaan dalam bendungan longitud 05.66424 Utara dan latitude 100.89847 Timur. Gua ini merupakan gua yang terletak di kaki Gunung Baling dan hanya 4 meter dari tebing Sungai Kuala Ketil. Perjalanan untuk memasuki gua ini, perlu memanjat setinggi 2 meter kerana kedudukan pintu gua agak tinggi dari permukaan tanah. Keadaan dalam gua yang luas dan besar sesuai dijadikan sebagai lokasi penempatan sementara atau tempat singgahan bagi masyarakat prasejarah (Termizi, 2017). Gua ini mempunyai dua pintu iaitu yang pertama adalah pintu masuk dan pintu kedua di hujung gua yang berada agak tinggi dari permukaan tanah. Dari apa yang direkodkan oleh Afiq (2016) pintu kedua ini tidak sesuai untuk dijadikan sebagai pintu masuk tetapi sebagai lubang angin dan sumber pencahayaan yang masuk ke dalam gua tersebut.



Gambar 1. Pelan lantai Gua Tok Sik
(Sumber: Muhammad Afiq 2017)



Gambar 2. Keadaan di dalam Gua Tok Sik
(Sumber: Muhammad Afiq 2015)

Ekskavasi telah dijalankan di dalam kawasan gua ini hasil dari penelitian yang dikatakan beberapa kawasan dalam bahagian gua ini masih tidak diganggu dan masih dalam keadaan baik. Hasil dari ekskavasi yang telah dijalankan, telah dijumpai 167 pecahan tembikar tanah, 21 alat batu pebel dan sisa makanan seperti cengkerang siput *Brotia Costula* dalam jumlah yang banyak. Jumpaan artifak ini kebanyakannya dijumpai di bahagian tengah gua iaitu di kawasan yang tidak diganggu oleh aktiviti pencarian tahi kelawar. Turut dijumpai pecahan tembikar dan pecahan tembikar yang ditemui ini kebanyakannya berwarna coklat tanah, coklat kemerahan dan coklat kehitaman. Pecahan tembikar ini merupakan bahagian badan mangkuk dan tempayan (Termizi, 2017). Di samping itu, terdapat kesan pembakaran di siling gua. Ini menunjukkan bahawa masyarakat yang tinggal di dalam gua ini memasak makanan berdasarkan jumpaan pecahan tembikar yang mempunyai kesan terbakar di bahagian badan.



Gambar 3. Jumpaan alat batu dan cangkerang siput jenis *brotia costula* di Gua Tok Sik
(Sumber: Muhammad Afiq 2017)

Di Gua Baling pula, ekskavasi telah dijalankan setelah berakhirnya kajian ekskavasi di Gua Tok Sik. Ekskavasi di Gua Berhala ini dilakukan selama 8 hari. Ekskavasi kali ini telah dijalankan oleh 10 orang yang terdiri daripada penyelia, pembantu penyelidik, pelajar siswazah dan buruh.

Berdasarkan laporan Afiq (2016 & 2017) Gua Baling ini merupakan gua yang paling mudah untuk diakses kerana kedudukan gua ini berhampiran dengan kawasan perumahan malah mempunyai jalan untuk ke gua ini. Jarak gua ini dari Sungai Ketil juga tidaklah begitu jauh kerana jaraknya hanyalah 100 meter sahaja dari tebing sungai. Namun begitu, telah dilaporkan oleh pasukan penyelidik ini bahawa hampir keseluruhan gua ini telah musnah akibat aktiviti pengambilan tahi kelawar dan dijadikan sebagai tempat pembakaran sampah oleh masyarakat setempat. Bacaan topografi bagi tapak Gua Baling ini mencatatkan bacaan dalam bendungan longitud 05.67784 Utara dan latitude 100.91356 Timur. Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan kesan deposit asal gua, lantai gua telah runtuh setinggi 2 meter disebabkan aktiviti pengambilan tahi kelawar. Melalui ekskavasi yang telah dijalankan ini, sebanyak 3 petak telah dibuka dan dilabelkan sebagai petak A, petak B, dan Petak C. Petak A telah dibuka dengan keluasan 2x2 meter, kedudukan permukaan petak ini ialah -20 daripada “datum line”. Terdapat jumpaan 2 alat batu reph di spit 4, 2 lagi jumpaan alat batu dan cangkerang siput di spit 6, 2 lagi jumpaan alat batu di spit 9, 1 jumpaan alat batu di spit 10 dan 11, 2 jumpaan alat batu di spit 12, dan petak ini dihentikan kerja cari gali pada kedalaman spit 20.

Seterusnya, petak B dibuka bersebelahan dinding selatan petak A dengan keluasan 1 x 1 meter dengan “datum line” -20 dan hanya terdapat jumpaan alat batu di spit 2. Bagi ekofak pula, terdapat banyak jumpaan cangkerang siput jenis *brotia costula* di permukaan petak B sehingga kedalaman spit 3.

Akhir sekali, petak C dibuka dengan keluasan 1 x 1 meter. Terdapat jumpaan 3 alat batu di spit 2, 2 alat batu di spit 3 berserta serpihan tulang, 1 alat batu dan serpihan tulang di spit 4, dan 1 alat batu di spit 5. Berdasarkan jumpaan-jumpaan yang ditemui tersebut dinyatakan bahawa keadaan gua yang mempunyai pencahayaan yang baik, maka ianya sesuai untuk dijadikan sebagai tapak hunian bermusim ataupun digunakan secara sementara oleh masyarakat Prasejarah yang tinggal di jajaran Gunung Baling-Pulai Termizi (2017) & Afiq (2016).



Gambar 4. Jumpaan alat batu dan cangkerang siput jenis *Brodiaea Costula* di Gua Baling
(Sumber: Muhammad Afiq 2017)

Jadual 2. Maklumat kajian dan penelitian prasejarah di Kedah

Bil.	Pengkaji	Tahun	Kawasan	Jumpaan/Hasil penelitian
1-	G.W. Earl	1861	Guar Kepah	Timbunan kepah, rangka manusia dan Huxley, alat batu yang belum dilicinkan
2-	Evans	1930	Guar Kepah	Kajian lanjutan terhadap penemuan timbunan kepah
3-	Callenfels / Matthews	1934-1938 1961	Guar Kepah	Eskavasi dilakukan, juga menemui timbunan kepah Anggaran 88 rangka manusia Jumpaan alat batu Hoabinh/Neolitik Bawah timbunan kepah
4-	HD Collings	April 1935 1936 1936	Gua Debu- Gunung Baling GuaKelawar- Gunung Baling Gua Pulaui	Batu rekeh, kapak batu, batu asah, batu andes, haematit, sisa makanan, pecahan tembikar (tanda tali) Alat batu paleolitik, kapak batu, pemukul kulit kayu, sisa makanan, tulang binatang, pecahan tembikar (tanda tali) Batu rekeh, batu paleolitik, pecahan tembikar tanah (tanda tali)
5-	Tweedie	1940	Guar Kepah	Manik-manik diperbuat dari tulang

6-	Williams Hunt	1951	BukitKeplu Kodiang 3buah gua:- Gua Taufan Gua Kerbau Gua Pasir	belakang ikan spesies arridae Pecahan tembikar, tembikar berkaki tiga, sisa makanan kepah, tanduk rusa.
7-	Adi Taha	1983-1989	Bukit Keplu Kodiang:- Gua Berhala Gua Pasir Gua Taufan	Alat batu, tembikar, tembikar tanah berkaki tiga.
8-	Zuraina Majid / Adi Taha	1991 1999	-	Pentarikhan masyarakat Hoabinh di Kedah
9-	Adi Taha	1999	-	Pentarikhan kewujudan Neolitik di Kedah
10-	Bullbeck	2005	Guar Kepah	Penelitian semula terhadap rangka manusia yang telah ditemui dahulunya
11-	Nik Hassan Shuhaimi	2006	-	Pentarikhan kewujudan Neolitik di Kedah
12-	Ahmad Hakimi / USM	2008/ 2010	Guar Kepah	Kajian diet makanan Hoabinh / Kajian terhadap pentarikhan Hoabinh
13-	USM	2010/ 2017	Guar Kepah	i) Ekskavasi secara saintifik dijalankan dan beberapa jumpaan telah direkodkan seperti :- * alat batu * barang perhiasan * tembikar * tulang dan gigi haiwan ii) Ekskavasi secara terancang telah dilakukan dan beberapa jumpaan telah direkodkan seperti :- * cengkerang seperti <i>Arctidae</i> , <i>Aridae</i> , <i>Naticidae</i> , <i>Turritellidae</i> , <i>Struthiolariidae</i> dan <i>Meretrix</i> <i>meretrix</i> , * alat batu seperti alat rekeh, batu pemukul, alat pebel dan beliung. * Sisa tulang haiwan seperti babi, rusa dan cengkerang kura-kura * Serpihan tembikar * Rangka manusia *) Alat batu pebel cengkerang siput dan sisa makanan *) Alat batu(pebel sungai) dan cengkerang siput jenis <i>brodia costula</i> pecahan tembikar tanah, dan sisa makanan. *) Pecahan tembikar tanah, alat batu, dan sisa makanan *) Jumpaan tembikar tanah, alat batu, pecahan tembikar batu, dan sisa makanan *) Pecahan tembikar, alat batu, dan
14-	Jabatan Warisan	Mac 2012	Eksplorasi di Gunung Pulau, Baling:- i) Gua Kelambu ii) Gua Tembus 1&2 iii) Gua Akar iv) Gua Kecil	

Gua Dalam Wang

Gunung Dalam Wang merupakan gua yang paling besar di gugusan pergunungan Baling. Pintu masuk gua ini mempunyai ruang teduhan (rock shelter) yang besar, gua ini berbeza seperti yang direkodkan oleh H.D. Collings (1936) yang mana beliau menyatakan bahawa nama gua ini adalah Gua Telok Wang. Namun begitu kini masyarakat setempat mengenali gua ini sebagai Gua Dalam Wang. Collings (1936) pernah membuat pemerhatian di gua ini, akan tetapi beliau tidak memberikan sebarang gambaran terhadap gua ini dan jumpaan yang ditemui. Hasil kajian terbaru terhadap gua ini pada sekitar tahun 2015 yang dilakukan oleh JWN mendapati berlaku kerosakan yang teruk pada lapisan lantai gua, dan hasil pemerhatian dijumpai kulit siput dan alat batu. Kawasan pintu gua ini hampir sama dengan kebanyakan tempat yang pernah didiami oleh masyarakat prasejarah seperti di Gua Cha Kelantan dan Bukit Tengkorak di Sabah. Hasil dari kajian yang dilakukan juga, didapati deposit tanah juga telah terhakis sehingga menghilangkan lapisan kebudayaan masyarakat Neolitik yang pernah tinggal di kawasan ini. Gua ini berkemungkinan didiami berterusan sejak zaman Hoabinhian sehingga akhir zaman Neolitik.

Gua Kelambu

Gua ini yang terletak di Gunung Pulau Baling telah mula dimasuki oleh H.D. Collings (1936) dan hasilnya telah menjumpai 11 alat batu dan juga 7 keping pecahan tembikar, namun begitu beliau tidak melakukan sebarang ekskavasi kerana deposit kebudayaan telah terganggu dengan teruk. Menurut laporan dari JWN yang telah melakukan pemerhatian semula, mendapati bahawa kawasan gua ini agak rendah dan berair serta mudah dimasuki air apabila banjir ini juga menjadi faktor tiada kesan hunian masyarakat prasejarah. Oleh yang sedemikian, gua ini mungkin diduduki oleh masyarakat prasejarah apabila musim kemarau sahaja. Selain itu, keadaan gua yang besar dapat dimasuki sedikit sahaja cahaya matahari sehingga ke kawasan kebuk menjadikan gua ini sebagai tempat persinggahan sahaja oleh masyarakat prasejarah.



Gambar 6. Keadaan di dalam Gua Kelambu
(Sumber: Muhammad Afiq 2015)

Gua Layang

Gua ini juga merupakan gua yang terdapat di Gunung Pulau Baling, adalah salah satu gua sementara bagi masyarakat prasejarah yang menetap di gugusan pergunungan Baling. Pintu gua ini luas dan mudah untuk dimasuki dan jarak dengan Sungai Ketil lebih kurang 100 meter. Ketinggian pintu gua ini dari aras sungai juga agak tinggi dan tidak mudah dimasuki air. Bahagian kebuk gua ini juga agak kecil dan hanya boleh didiami oleh sebuah keluarga sahaja. Terdapat juga beberapa lorong kecil yang sempit di dalam gua ini. Hasil jumpaan dari gua ini adalah seperti alat batu sungai yang tidak direpeh, selain jumpaan kulit siput yang tidak banyak serta tiada jumpaan tembikar.



Gambar 7. Keadaan di dalam Gua Layang
(Sumber: Muhammad Afiq 2015)

Gua Ikan

Kedudukan pintu gua ini yang menghadap ke Sungai Ketil menjadikan gua ini berpotensi untuk didiami oleh masyarakat prasejarah. Keadaan gua yang mempunyai kawasan teduhan yang terbuka (rock shelter) dan terang memudahkan aktiviti seharian masyarakat prasejarah yang menghuni kawasan tersebut. Malah kedudukan gua ini yang tinggi dan perlu didaki jika ingin memasukinya merupakan faktor kawasan ini strategik untuk didiami. Jumpaan yang ditemui adalah seperti kulit siput, namun tiada pecahan tembikar yang ditemui, berdasarkan jumpaan ini penulis dapat merumuskan bahawa gua ini hanyalah tapak huniaan sementara atau persinggahan oleh masyarakat prasejarah sewaktu keluar mencari haiwan buruan.

Gua Gelap

Gua ini merupakan salah satu gua yang terbesar di Gunung Pulau Baling. Hasil dari kajian yang telah dilakukan terhadap gua ini, disimpulkan bahawa gua ini tidak digunakan untuk hunian tetap, akan tetapi digunakan sebagai kawasan teduhan sementara. Perkara ini dirumuskan apabila kurangnya jumpaan artifak mahupun ekofak seperti gua-gua yang lainnya. Hasil jumpaan di gua ini hanyalah kulit siput yang begitu sedikit.

Gua Tembus

Merupakan gua yang agak lama dihuni oleh masyarakat prasejarah, ini berdasarkan struktur yang merupakan sebagai tempat teduhan batu terbuka untuk menerima cahaya matahari dan juga melakukan aktiviti seharian. Malah kawasan terbuka ini juga terlindung daripada hujan. Selain itu, terdapatnya juga struktur kebuk gua untuk tujuan berlindung pada waktu malam. Kedudukan gua ini juga agak tinggi dari gua-gua yang lainnya maka kawasan ini sememangnya tidak akan dilanda banjir. Hasil jumpaan disini adalah terdapat banyak timbunan kulit siput di permukaan lantai gua.

Gua Tembus 2

Gua ini berada di bahagian hujung kaki Gunung Pulau pada sebelah kiri dimana pintu gua menghadap ke Sungai Ketil. Kebuk gua ini kecil dan rendah. Namun begitu sewaktu proses kajian dan pemerhatian yang dilakukan oleh Jabatan Warisan Negara tiada jumpaan yang berunsurkan alat batu, hanya dijumpai pecahan tembikar yang meliputi tembikar tanah, tembikar batu, serta seramik china.

Gua Tok Sik

Gua ini terletak di kaki Gunung Baling hampir 4 meter sahaja jarak diantara pintu gua dan Sungai Ketil. Struktur gua yang mempunyai kebuk gua yang besar dan luas sesuai untuk dijadikan penempatan masyarakat prasejarah. Gua ini berkemungkinan adalah tempat singgahan sementara bagi masyarakat Hoabinhain sehingga ke zaman Neolitik awal. Antara jumpaan yang diperolehi adalah tembikar yang berasosiasi dengan timbunan kulit siput yang ada di dalam gua tersebut.



Gambar 8. Alat batu yang dijumpai di Gua Tok Sik
(Sumber: Muhammad Afiq 2017)

Gua Baling

Gua ini terletak di Gunung Baling, dan merupakan kawasan terbuka teduhan batu dan juga kawasan kebuk gua. Kawasan Gua Baling ini dijadikan sebagai tapak hunian bermusim ataupun sementara bagi masyarakat Hoabinhian yang tinggal di gugusan pergunungan Baling. Antara hasil jumpaan adalah seperti kulit kerang dan pecahan tembikar.



Gambar 9. Jumpaan pecahan tembikar di Gua Baling
(Sumber: Muhammad Afiq 2017)

Kodiang

Beberapa gua di kawasan ini telah dikaji oleh Adi Taha (1983-1987) di mana kawasan ini membabitkan beberapa gua seperti Gua Berhala, Gua Pasir, dan Gua Taufan yang masing-masingnya terletak di Bukit Kepelu Kodiang, Kedah. Melalui penyelidikan yang telah dijalankan di setiap kawasan ini, telah ditemukan beberapa artifak penting seperti pelbagai jenis alat batu dan tembikar tanah berkaki tiga.

KEBUDAYAAN HOABINHIAN DI KEDAH

Kebudayaan Hoabinhian dikatakan telah wujud di beberapa buah kawasan seperti di Nepal, Myanmar, Thailand, Vietnam, Kemboja, Selatan China, Semenanjung Malaysia, Sumatera, Sarawak, tanah tinggi New Guinea, bahagian Tenggara serta kemungkinan Barat daya Australia dan Tasmania, ini berdasarkan dari jumpaan artifak yang bercirikan Hoabinhian (Bowdler, 2004). Melalui penelitian yang telah dilakukan meliputi zaman-zaman Prasejarah di Malaysia, Zaman Hoabinhian telah wujud sekitar 16 000-6000 tahun yang lalu. Zaman Hoabinhian ini telah dikatakan sebagai zaman yang menjadi pemangkin kepada Zaman Neolitik yang mana zaman ini telah berlakunya evolusi dari setiap aspek, namun begitu ianya lebih tertumpu kepada budaya dan teknologi. Sebagai contoh, telah terdapatnya kemajuan dari segi alat batu yang digunakan malah cara kehidupan mereka juga telah berbeza apabila mereka ini telah bijak dalam bercucuk tanam. Dari segi pemerhatian para pengkaji, dapat disimpulkan bahawa kemajuan yang dialami oleh masyarakat Zaman Neolitik ini berpunca dari adanya Zaman Hoabinhian, ini disebabkan di dalam Zaman Hoabinhian lagi sudah berlakunya evolusi dari segi alatan yang mereka gunakan sekaligus alatan pada zaman ini amat berbeza dengan zaman sebelumnya (Paleolitik).

Terdapat beberapa evolusi dalam kebudayaan Hoabinhian ini apabila peralatan batu yang dihasilkan mereka lebih kecil dan halus buaatannya berbanding dengan artifak batu kebudayaan Paleolitik, yang mana pembuatannya agak besar dan kasar. Keadaan ini disebabkan oleh bentuk muka bumi yang telah berubah kerana terbentuknya hutan hujan tropika. Melalui reka bentuk yang baru ini, sekaligus dapat memudahkan segala urusan seharian mereka seperti memburu binatang dan memungut hasil hutan. Melalui kajian yang telah dilakukan rata-rata penyelidik telah menggunakan istilah Sumatralith, Bifas dan Bifacial dalam alatan batu khusus bagi masyarakat Hoabinhian ini.

Perkataan “Hoabinh” telah digunakan bagi menggantikan ungkapan yang sering di gunakan di Barat iaitu “Mesolitik”, perkara ini diwujudkan untuk memperlihatkan wujud satu tahap perkembangan baharu pada Zaman Prasejarah di Asia Tenggara. Istilah ‘Hoabinhian’ diperkenalkan oleh Madeleine Colani pada tahun 1932 di Hanoi yang berasaskan kepada penemuan alat batu di Hoabinh, Vietnam. Istilah ini kemudiannya dipopularkan oleh M.W.F. Tweedie di Malaysia melalui bukunya iaitu ‘The Stone Age In Malaya’. Bagi beliau manusia zaman Prasejarah menggunakan alat-alat batu yang direpeh antaranya Sumatralith, discoid / berbentuk cakera, alat berbentuk buah, batu pelandas, batu pemukul dan tulang (Adi Taha 1987). Manusia yang hidup ini mengamalkan budaya mengumpul dan memburu binatang, hidup berpindah randah, hidup di dalam gua-gua batu kapur dan kawasan pesisir.

Menurut Adi Taha, definisi Hoabinh berasaskan penggunaan alat-alat batu yang direpeh menggunakan teknik-teknik primitif, biasanya pebel sungai. Manakala teknik repehannya adalah pada sebelah permukaan pebel tersebut dan mengandungi kapak batu pendek, discoid / berbentuk cakera, alat yang berbentuk seperti buah pear / almond, batu-batu pelandas dan pemukul serta alat-alat tulang (Adi Taha 1999). Selain itu, terdapat juga pendapat dari penyelidik Barat, iaitu John Matthews, beliau mencadangkan bahawa definisi “Hoabinh” membawa pengertian satu kebudayaan seperti kebudayaan Mesolitik. Beliau menegaskan bahawa pada zaman tersebut secara umumnya didapati masih belum lagi wujudnya aktiviti pertanian (Matthews 1996).

Khususnya di Kedah, kebudayaan Hoabinhian telah wujud di beberapa tempat seperti di Baling yang meliputi beberapa buah gua antaranya di kawasan Gunung Pulai, Gunung Baling, dan Bukit Dalam Wang. Akan tetapi di kawasan Bukit Dalam Wang menerusi survei terbaru yang

dilakukan pada tahun 2015 oleh ATMA UKM didapati struktur lapisan budaya di kawasan tersebut telah musnah akibat aktiviti manusia, maka disebabkan itu kajian lanjutan tidak dapat diteruskan. Kawasan Baling telah diterokai oleh Collings (1935) sebagai pengkaji terawal di kawasan tersebut dan selepas pada itu disusuli oleh pengkaji tempatan. Menerusi kajian terawal yang telah dilakukan oleh Collings telah ditemukan beberapa artifak yang membawa kepada kewujudan masyarakat Hoabinhian di Kedah, ini berlaku apabila menerusi ekskavasi pertama beliau di Gua Debu yang telah ditemukan beberapa artifak seperti alat batu repeh, kapak batu hoabinhian, batu pengasah, batu pelandas, hematit, sisa makanan (*brotia costula*) pecahan tembikar yang dihiasi dengan tanda tali dan kapak batu Zaman Neolitik. Collings (1936) juga telah melakukan survei di sekitar kawasan Baling dan akhirnya beliau telah membuat beberapa senarai berkenaan gua-gua yang berpotensi dalam kewujudan masyarakat Hoabinhian dan Neolitik di Baling. Melalui senarai yang telah dilakukan itu maka, ianya telah menjadi satu garis panduan yang amat berharga buat para penyelidik tempatan dalam meneruskan lagi kajian penyelidikan arkeologi di Baling Kedah sekaligus dapat menambahkan data-data berkenaan masyarakat Prasejarah di Baling, Kedah.

Melalui penelitian yang dilakukan oleh Hakimi (2008) di dalam laporannya, masyarakat Hoabinhian di Kedah telah mula wujud sekitar 5000 atau 6000 tahun yang lalu. Kajian ini dilakukannya di Guar Kepah Seberang Perai menerusi jumpaan rangka manusia dan beberapa artifak yang lain seperti alat batu yang belum dilicinkan dan dilicinkan. Namun begitu, dapat diperkatakan bahawa sememangnya wujud masyarakat Hoabinhian di Kedah khususnya kawasan Baling disebabkan faktor utama jumpaan alat batu repeh. Seperti sedia maklum alat batu yang direpeh merupakan kegunaan utama masyarakat Hoabinhian dan melalui penyelidikan dan survei yang telah dilakukan oleh setiap penyelidik tempatan di Baling ini keseluruhannya telah menjumpai alat batu repeh ini, sekaligus menyokong hasil penelitian Collings (1936) bahawa di Baling, Kedah merupakan kawasan bagi hunian sementara atau tetap masyarakat Hoabinhian dan Neolitik.

Kewujudan masyarakat Hoabinhian adalah di beberapa kawasan yang melibatkan Gunung Baling dan Gunung Pulau seperti di Gua Tok Sik, Gua Tembus, Gua Tembus 2, Gua Kelambu, Gua Baling, Gua Layang, Gua Gelap, Gua Ikan, dan Gua Besar. Setiap gua-gua ini telah dilakukan kajian penelitian menerusi survei dan ekskavasi oleh pihak JWN, dan penyelidik dari Atma UKM yang diketuai oleh Prof Madya Dr Zuliskandar Ramli. Menerusi kajian yang dilakukan di beberapa gua tersebut telah dijumpai beberapa artifak dan ekofak yang penting sekaligus menyokong pendapat Collings (1936) bahawasanya masyarakat Hoabinhian telah wujud di Baling, Kedah. Antaranya adalah, alat batu, sisa repehan, pecahan tembikar, cangkerang siput dan lain-lain lagi. Namun tidak ketinggalan juga Gua Dalam Wang yang telah dijumpai artifak seperti kapak genggam, batu pebel, sisa repehan, dan pecahan tembikar bermotif hiasan.

Menerusi data kajian terbaru di Baling, telah dilakukan ekskavasi di dua buah gua iaitu Gua Tok Sik dan Gua Baling. Kajian dan ekskavasi ini telah dijalankan oleh ATMA UKM pada tahun 2015. Hasil daripada kajian dan ekskavasi ini telah ditemukan beberapa jumpaan penting khususnya bagi menyokong pendapat Collings (1936) berkenaan kewujudan Hoabin di Kedah, jumpaan tersebut adalah seperti pecahan tembikar tanah, alat batu pebel dan sisa makanan seperti cangkerang siput *Brotia Costula* dalam jumlah yang banyak. Melalui penelitian yang dilakukan dari setiap data kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji meliputi data terdahulu sehinggalah ke data terkini dapat dirumuskan bahawa kenyataan Collings (1936) yang menyatakan berkenaan kewujudan masyarakat Hoabinhian di kedah khususnya bagi kawasan pergunungan Baling sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Selain itu, masyarakat Hoabinhian di Kedah juga telah menjadi pemangkin kepada kemajuan-kemajuan yang ada pada masyarakat Neolitik khususnya di Kedah.

Selain itu juga, masyarakat Hoabinhian di Kedah-Pulau Pinang ini juga kemudiannya telah berevolusi kepada “Neolitik” dan mempunyai sistem sosial yang stabil kerana mereka mungkin telah mahir dalam teknologi pembuatan rumah bertiang dengan menggunakan kayu. Mereka juga berkongsi hasil makanan yang diperolehi (Ahmad Hakimi 2008). Reka bentuk rumah bertiang ini juga terdapat di tapak Pulau Kelumpang dan Kampung Sungai Mas (Zuliskandar dan Nik Hassan Shuhaimi 2008) dan membuat andaian bahawa masyarakat di Pulau Kelumpang juga berasal daripada masyarakat Hoabinhian di Guar Kepah Seberang Perai yang telah berhijrah ke Pulau

Kelumpang dan Sungai Mas. Masyarakat Hoabinhian di Guar Kepah ini jugalah dikatakan bertanggungjawab membangunkan dan memakmurkan Sungai Mas sebagai satu tapak pelabuhan proto – sejarah di lembah bujang (Zuliskandar 2012).

KEBUDAYAAN NEOLITIK DI KEDAH-PULAU PINANG

Kebudayaan Neolitik di Semenanjung Malaysia dipercayai telah bermula sekitar 4,000 hingga 3,000 tahun dahulu kecuali di Guar Kepah yang memberi pentarikhan lebih 5,000 tahun dahulu. Zaman Neolitik di Malaysia mempunyai ciri-ciri yang tersendiri seperti pengebumian secara lunjur malah terdapatnya artifak kebudayaan seperti tembikar tanah, kapak batu atau beliung batu yang dilicinkan, alat batu, pemukul kulit kayu, gelang batu dan cangkerang. Malah zaman ini juga sudah wujud aktiviti pertanian dan penternakan. Sebagai contoh, pada zaman ini telah ditemukan beberapa artifak ataupun peralatan batu yang tidak ada di zaman yang sebelumnya seperti pemukul kulit kayu dan alatan batunya yang besar, ini disebabkan mereka menggunakan peralatan ini untuk menebang pokok dan sebagainya maka untuk mudah difahaminya mereka menjadikan alatan ini sebagai peralatan untuk membuka kawasan dan menjadikannya sebagai kawasan pertanian. Selain itu juga, masyarakat pada zaman ini juga sudah tidak menjadikan gua tertutup sebagai kawasan penempatan sebaliknya mereka memilih kawasan yang lebih terbuka, di samping itu pada zaman Neolitik ini juga penggunaan kawasan gua dan pelindung batuan masih berterusan sama ada sebagai tapak penghunian, kem sementara pemburu-pemungut dan sebagai kawasan pengebumian.

Namun begitu, kawasan yang meliputi gua yang tertutup ini dijadikan oleh mereka sebagai kawasan pengebumian. Secara amnya, Zaman Neolitik yang berlangsung di Malaysia ini telah menunjukkan banyak ciri dan persamaan dengan kebudayaan Neolitik yang wujud di kawasan lain meliputi kawasan-kawasan di Asia Tenggara. Perbezaan ketara yang wujud bagi masyarakat ini hanyalah melibatkan ciri kebudayaan material dan pentarikhan tapak-tapak Neolitik di Semenanjung Malaysia yang terletak di Tanah Besar Asia Tenggara serta Sabah dan Sarawak yang terletak di Kepulauan Asia Tenggara. Seperti diketahui kewujudan masyarakat Zaman Neolitik ini dikatakan wujud sebagai pengganti kepada Zaman Hoabinhian akan tetapi melalui kenyataan yang dihasilkan oleh setiap pengkaji, telah menimbulkan pelbagai polemik antaranya (Callenfels & Noone 1940) dan (Sieveking 1954) menyatakan bahawa Zaman Hoabinhian dan Zaman Neolitik wujud pada masa yang berlainan dengan erti kata lain Zaman Neolitik wujud selepas berakhirnya Zaman Hoabinhian. (Dunn 1964) telah menyatakan bahawa kedua-dua tahap kebudayaan ini (Hoabinh & Neolitik) mempunyai kesinambungan yang mana masyarakat Neolitik telah berkembang dari Zaman Hoabinhian. Manakala (Collings 1936) juga mempunyai pendapatnya yang tersendiri iaitu Hoabinh dan Neolitik telah wujud pada masa yang sama atau kontemporari dan hidup di dalam suasana masa dan ruang yang sama

Di Semenanjung Malaysia, kebanyakan tapak Zaman Neolitik yang ditemukan terletak di kawasan utara dan tengah Semenanjung Malaysia. Kebanyakan tapak Zaman Neolitik tersebut merupakan gua atau pelindung gua batu kapur. Di Sabah pula, kebanyakan tapak Neolitik yang ditemukan di gua atau pelindung gua terletak berdekatan dengan pantai timur Sabah, manakala majoriti tapak Neolitik di Sarawak yang dikaji terletak di kawasan pedalaman. Terdapat banyak tempat yang menjadi kawasan tinggalan masyarakat Zaman Neolitik, namun begitu terdapat empat kawasan utama yang menjadi kawasan tumpuan khusus di dalam tinggalan kebudayaan Zaman Neolitik ini. Antaranya ialah Lembah Lenggong, Perak, Lembah Nenggiri, Kelantan, Gua Bukit Tegun Lembu (Tengku Lembu) di Baseri Perlis, Gua Niah, Sarawak dan Timur Sabah.

Kebudayaan Neolitik di Kedah-Pulau Pinang pada awalnya telah dikesan kewujudannya di Guar Kepah Seberang Perai dengan kajian dan survei awal yang telah dilakukan oleh G.W. Earl (1861). Di Guar Kepah ini telah ditemukan pelbagai artifak yang menjadi bukti wujudnya masyarakat Neolitik di sini. Perkara ini amat jelas apabila adanya kajian yang telah dilakukan khususnya dari pihak USM dan melalui hasil kajian ini telah dicatatkan data-data baharu sekaligus menyokong kajian-kajian terdahulu berhubung keberadaan kebudayaan Neolitik di Guar Kepah ini. Sebagai contoh, hasil dari kajian dan ekskavasi terbaru pada tahun 2017 oleh pihak USM telah menjumpai rangka manusia sekaligus dinyatakan oleh mereka jumpaan ini adalah jumpaan

terpenting pada tahun itu. Rangka manusia yang dijumpai tersebut didapati mempunyai sifat kebudayaan masyarakat Neolitik apabila rangka manusia tersebut ditemukan dengan lengannya dilipat ke dada dan dikelilingi oleh tembikar, alat batu dan beberapa spesies cengkerang. Selain itu juga, telah ditemukan juga beberapa alat batu dan beliung di samping serpihan tembikar tanpa ragam hias, bertanda tali, dan dengan ragam hias yang dijumpai dalam kuantiti yang banyak, sekaligus menjadi bukti bahawa masyarakat di tapak ini mengamalkan kebudayaan Neolitik.

Di samping itu juga, menerusi kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu, mereka telah menemui beberapa timbunan kepah yang sangat banyak dan tinggi. Menerusi penyelidikan terhadap jumpaan kepah tersebut didapati isi kerang tersebut telah diambil sebelum ianya dicampak sehingga menjadi timbunan kerang tersebut, kebanyakan daripada kerang yang membentuk ketiga-tiga timbunan tersebut adalah kerang laut yang dikenalpasti sebagai kepah (cockle) (Earl 1861). Di samping itu juga, Earl menyatakan kawasan tersebut (Gua Kepah) telah dijadikan sebagai kawasan pembakaran kulit kerang dengan bertujuan untuk menghasilkan kapur yang digunakan untuk dimakan dengan sirih, membuat cat, sebagai bahan pertanian dan juga pembinaan (Earl 1861). Dari sudut kenyataan Earl berdasarkan tujuan pembakaran kulit kerang bagi menghasilkan kapur ini didapati ada benarnya, kerana berdasarkan kenyataan Ahmad Hakimi (1994) masyarakat ini membina rumah-rumah di atas tiang-tiang seperti yang terdapat pada rumah Melayu yang terletak di tebing-tebing sungai dan tepi pantai. Menurutnya lagi, rumah di atas tiang ini lebih sesuai dengan kehidupan masyarakat Neolitik yang tinggal di kawasan terbuka.

Selain itu, longgokan timbunan cangkera kepah yang banyak telah menunjukkan terdapat beberapa buah rumah dan beberapa buah keluarga yang tinggal secara berkumpulan di kawasan Gua Kepah ini. Berkenaan pembinaan rumah ini, semestinya tidak menghairankan kerana seperti yang telah diperkatakan oleh Earl, pembakaran kulit kerang tersebut adalah bertujuan sebagai menghasilkan kapur untuk digunakan juga dalam aktiviti pembinaan. Maka dari sini dapat difahami secara ringkas bahawa pembinaan rumah atas tiang ini mungkin dilakukan dengan menggunakan kepah dan kapur hasil dari pembakaran tersebut. Berdasarkan bukti dan kajian yang telah dilakukan ini sememangnya tapak Gua Kepah Seberang Perai ini merupakan kawasan yang pernah diduduki oleh masyarakat Zaman Neolitik.

Manakala di Kedah pula, terdapat beberapa kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan yang pernah didiami oleh masyarakat Neolitik. Kawasan tersebut adalah seperti di Kodiang, dan Baling, menerusi kajian awal di Kodiang ianya telah bermula dengan ekskavasi yang telah dijalankan oleh William Hunt pada tahun 1951. Melalui ekskavasi yang telah dijalankan ini sebanyak tiga buah gua telah dikenalpasti sebagai kawasan yang berpontensi iaitu Gua Taufan, Gua Kerbau dan Gua Pasir. Hasil dari ekskavasi yang telah dijalankan ini telah ditemukan beberapa artifak seperti jumpaan pecahan tembikar dalam jumlah yang besar, malah terdapatnya juga tembikar berkaki tiga yang dihiasi tanda tali atau cord marked dan sisa makanan seperti kepah. Menerusi jumpaan tembikar ini dapat dikatakan ianya merupakan kepunyaan masyarakat zaman Neolitik, ini disebabkan tembikar berkaki ini atau dikenali sebagai tembikar berkaki tiga tripod, turut ditemui juga di kawasan-kawasan yang lain seperti di Selatan Thailand, Jenderam Hilir dan Kg Kubang Pak Amin, Pasir Mas Kelantan.

Manakala di Baling pula, menerusi kajian dan ekskavasi yang telah dilakukan oleh H.D Colling pada tahun 1935 di Gua Debu yang terletak di Gunung Baling, dijumpai beberapa artifak yang menjadi bukti kewujudan masyarakat Neolitik di kawasan tersebut. Antaranya ialah, pecahan tembikar tanda tali dan kapak batu Neolitik. Seterusnya beliau juga telah melanjutkan kajiannya ke Gua Kelawar yang juga terletak di Gunung Baling dan disini dijumpai kapak batu, alat batu, pemukul kulit kayu, sisa makanan (*brutilla costula*), tulang binatang dan pecahan tembikar (cord marked) (Collings 1936). Manakala di Gua Pulau pula terdapat juga tembikar tanah (cord marked). Kemudiannya, di Baling juga telah ditemui kapak batu Neolitik di beberapa buah kawasan perkampungan seperti, Kampung Siong, Kampung Picha Sawa, Kampung Padang Temu, Kampung Bendang Derat, Kampung Padang Sadang, Kampung Lahar, Bukit Arang, Kampung Rambong, Kampung Tok Golok, Tanjung Pari, Kubang Jung dan Ayer Tepu (Collings 1936). Menerusi catatan Collings ini sememangnya masyarakat Neolitik di Baling wujud suatu ketika dahulu, malah

hasil dari kajian dan catatan beliau ini telah dijadikan panduan dan rujukan bagi pengkaji dan sarjana tempatan dalam meneruskan kajian khususnya Zaman Neolitik di Baling

KESIMPULAN

Seperti yang telah diketahui, taburan kependudukan masyarakat Prasejarah di Malaysia lebih tertumpu di kawasan yang berdekatan dengan bekalan sumber air bersih seperti kawasan sungai dan pesisir pantai. Ini disebabkan air merupakan salah satu keperluan yang sangat penting dalam kehidupan seharian, malah air juga menjadi satu sumber untuk mendapatkan makanan bagi keperluan diet seharian. Selain itu juga, masyarakat ini juga mampu menghasilkan peralatan batu yang berevolusi dari zaman Paleolitik hingga zaman Neolitik apabila peralatan ini digunakan bagi memudahkan urusan seharian mereka seperti memburu haiwan dan memungut hasil hutan. Selain evolusi pembuatan alat batu, telah berlaku juga perubahan atau evolusi dalam mengebumikan mayat yang dilihat berubah dari zaman Hoabinhian dan zaman Neolitik. Penciptaan tembikar tanah, kaedah bercucuk tanam dan menternak haiwan serta cara hidup menetap juga telah diamalkan di zaman Neolitik. Reka bentuk dan hasil pembuatan tembikar ini juga dapat dilihat semakin maju seiring dengan perubahan zaman. Berdasarkan evolusi artifak pada zaman ini, dapat dirumuskan bahawa masyarakat Prasejarah ini telah berjaya menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka seperti perubahan iklim, keadaan geomorfologi kawasan yang berubah dan kehendak sesuatu zaman untuk meneruskan keberlangsungan hidup.

Kesimpulannya, kajian-kajian awal yang membabitkan prasejarah di Kedah telah bermula kira-kira 150 tahun yang dulu dengan dimulai oleh HD Collings yang terlebih dahulu memulakan pemerhatian dan seterusnya diikuti dengan aktiviti-aktiviti eskavasi berdasarkan kawasan-kawasan yang berpontensi. Selain itu juga, hasil dari data yang diperolehi secara umumnya prasejarah di Kedah bermula dengan zaman Hoabinhian / Mesolitik diikuti dengan Zaman Neolitik. Jika dilihat melalui kajian-kajian terdahulu secara keseluruhannya, kajian ini lebih tertumpu di kawasan Baling yang meliputi Gunung Baling, Gunung Pulau dan Gunung Wang Kelian. Namun begitu, kebanyakan kawasan-kawasan di Baling yang sedia ada kebanyakannya telah mengalami kerosakan atau kemusnahan lapisan budaya akibat daripada aktiviti yang dilakukan oleh manusia, selain separuh darinya telah dijadikan kawasan pertanian. Ini menyebabkan beberapa kerugian membabitkan data pensejarahan yang mungkin tidak diketahui lagi, mungkin juga data-data ini jika diperolehi sedikit sebanyak dapat mengubah data sedia ada khususnya pentarikhkan prasejarah di Kedah. Di samping itu juga, tidak banyak kajian-kajian khususnya kajian lanjutan di kawasan-kawasan yang lain seperti yang dicatat oleh beberapa pengkaji terdahulu seperti di Kodiang Adi Taha (1983-1987) yang membabitkan beberapa gua di Bukit Kepelu. Sekiranya dapat dijalankan kajian yang membabitkan kawasan ini, berdasarkan rekod-rekod yang ada pastinya data atau penemuan baru dapat dicatat sekaligus menjadi data tambahan berkenaan prasejarah di Kedah

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang membiayai kajian ini melalui geran FRGS/1/2020/WAB06/UKM/02/1, Mengkaji Kearifan Lokal Masyarakat Prasejarah di Gunung Pulau, Baling, Kedah Melalui Analisis Morfologi dan Komposisi Kimia (Petro-Arkeologi) Alat Litik dan Gerabah.

RUJUKAN

- Adi Taha. 1983. Recent Archaeological Discoveries in Peninsula Malaysia (1972-82). *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society* 56 (1): 47-63.
- Adi Taha. 1993. Recent archaeological discoveries in Peninsular Malaysia 1991-1993. *JMBRAS* 66(1): 67-83.
- Adi Taha. 1991. Recent Archeological Discoveries in Peninsular Malaysia. *JMBRAS* 64 (1): 75-96.
- Adi Taha. 1987. 'Hoabinhian'- Persoalan yang belum diselesaikan dalam prasejarah Malaysia. Dlm Nik Hassan Shuhaimi. (pnyt). *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah*. Hlm. 109-149. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Kelantan.

- Ahmad Hakimi Khairuddin. 1991. A Review of the Material Culture of the Pre-metallic Prehistoric Peoples of West Malaysia. Tesis Sarjana Sastera. University of California.
- Ahmad Hakimi Khairuddin. (1994). Tapak prasejarah Guar Kepah - Satu catatan. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 7: 81 – 84.
- Ahmad Hakimi Khairuddin. 2008. Tapak Prasejarah Gua Kepah: Kesenambungan Perkembangan Tempatan. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi. (pnyt). *Lembah Bujang Dari Perspektif Arkelologi dan Pelancongan*. Hlm 36-45. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Ahmad Hakimi Khairuddin, Adaptasi – adaptasi Persisiran Pantai Pada Zaman Neolitik: Satu Catatan Ringkas 2014. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 27.
- Adnan Jusoh, Mokhtar Saidin & Zuliskandar Ramli. 2018. Zaman Paleolitik, Hoabinhian dan Neolitik di Malaysia. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Zuliskandar Ramli (pnyt.). *Prasejarah dan Protosejarah Tanah Melayu*, hlm. 21-47. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- B.A.V Peacock. 1964. The Kodiang Pottery Cones Tripod Pottery in Malaya and Thailand With a Note on The Bukit Tengku Lembu Black Ware. *Federation Museum Journal* 9.
- Bowdler, S. 2004. The Hoabinhian: Early Evidence for Southeast Asian Trade Networks. *Kertas Kerja dalam The Tenth Biennial Conference of the European Association of Southeast Asian Archaeologists*, London, Singapura: National University Press, 14th-17th September 2004.
- Burton, 1970. Lower Palaeozoic Rocks of Malay Peninsula: Discussion - *American Association of Petroleum Geologists Bulletin* 54: 357-360.
- Bulbeck, D. 2003. Hunter-Gatherer Occupation of the Malay Peninsula from the Ice Age to the Iron Age. In: J. Merceder. (ed.) *The Archeology of Tropical Rain Forest*, p.p 119-160. New Brunswick: NJ Rutgers University Press.
- Bulbeck, D. 2005. The Gua Kepah Human Remains. Dlm. Zuraina Majid. (pnyt). *The Perak Man and Other Prehistoric Skeleton of Malaysia*, hlm. 384-424. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Callenfel, S. 1936. An Excavation of three Kitchen Midden at Guar Kepah, Province Wellesly, Straits Settlements. *Bulletin of the Raffle Museum Singapore, Strait Settlement. B (1):* 27-38.
- Callenfels, P. V., And H. D. Noone 1940 Report on an excavation in a rock shelter, Gol Bait, near Sungai Siput (perak). In *Proceedings of the Third Congress of Prehistorians of the Far East*, Singapore, 1938, pp. 119-125.
- Colling, H. D. 1936. Report of an Archeological Excavation in Kedah Malay Peninsula. *Bulletin of the Raffle Museum Singapore, Strait Settlement. B (1):* 5-17.
- Dunn, F.L. 1964. Excavations at Gua Kecil, Pahang, *Journal of the Malayan Branch of Royal Asiatic Society* 37(2): 87-124.
- Earl, G. W. 1861. *Topography and Itinerary of Province Wellesly*. Penang: Pinang Gazette Printing Office.
- Evans, I H N. 1930. Ancient Inscription at Cherok Tokun, Province Wellesly. *Journal of the Federated Malay States Museums*. 15 (1): 35-36.
- Foo, Khong Yee. 1983. *Proceedings of The Workshop On Stratigraphic Correlation Of Thailand And Malaysia*, September Vol-1, Technical Papers 8-10.
- Foo, Shu Tieng. 2010. Hoabinhian rocks: An examination of Guar Kepah artifacts from the Heritage Conservation Centre in Jurong (Unpublished master's thesis). National University of Singapore.
- Gardner, E. J. 1978. *The Pottery Technology of the Neolithic Period in Southeastern Europe*. Tesis Kedoktoran. Los Angeles University of California.
- G.D.G Sieveking, 1962, *The Prehistoric Cemetery at Bukit Tengku Lembu, Perlis*, Federal Museum Journal Series 1 Vol VII.
- Hall, K.R., 1985. *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*. Sydney: George Allen & Unwin.
- Huxley, F. W. 1963. Letter on the human remains found in the shell mounds. *Transaction of the Ethnological Society Series 2: 265-266*.
- Hole, F & R.F Heizer. 1990. *Arkeologi Prasejarah: Satu Pengenalan Ringkas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Khairil Amri Abdul Ghani, Ahmed Asyriq Abu Kassim, Nur Hidayah Mohd Shah, Noor Zuraini Mohd Zin & Abdul Ghafar Abdul Ghani. 2012. Laporan Eksplorasi Gua dan Survei Permukaan Kompleks Gunung Baling dan Gunung Pulau, Baling, Kedah, 5 – 9 Mac 2012, Cawangan Arkeologi Bahagian Konservasi dan Arkeologi Jabatan Warisan Negara.
- Low, J. 1849. On an Inscription from Keddah. *Journal of Asiatic society of Bengal* 18 (91): 247.
- Matthew. J. 1961. A Check-list of “Hoabinhian” Sites Excavated in Malaya. Easter Universities Press Ltd, Singapore.
- Matthews, J.M. 1966. A Review of The “Hoabinhian”. In. *Indochina Asian Perspectives* 9, p.p. 86-95.
- Mijsberg, W. A. 1940. On a Neolithic Palae-Melanesian Lower Jaw Fragment Found at Guar Kepah, Province Wellesley, Straits Settlement. In. Chasen, F. N. & M. W. F. Tweedie (eds.). *Proceedings of the Third Congress of Prehistorians of the Far East*, p.p. 100-118. Singapura: Government Printer.
- M.W.F. Tweedie. 1953. The Stone Age in Malaya, *JMBRAS* 26(2).
- Mohd. Kamaruzaman A. Rahman. 2002. The Hoabinhian Site at Taat Hill Cave, Upper Terengganu, Malaysia, *Jebat* 29: 69 – 78.
- Mokhtar Saidin 2008. Arkeologi: Penempatan Awal di Seberang Perai dan Pulau Pinang. Dlm. Muhammad Haji Salleh (pnyt.). *Sejarah awal Pulau Pinang*, hlm. 1-16. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mokhtar Saidin. 2010. *Bukti Prasejarah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Afiq Omar, Zuliskandar Ramli, Ahmad Helmi Muhd Mukhtar & Muhamad Shafiq Mohd Ali. 2015. Menelusuri Semula Jejak Prasejarah di Kedah: Penemuan Permukaan Terbaru di Gua Tok Sik dan Lawatan Semula Tapak Gua Batu Putih, Kodiang. Dlm. Zuliskandar Ramli et al. (pnyt.). *Prosiding Seminar Antarabangsa ke-8 Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran*, hlm. 241-250. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- Muhammad Afiq Bin Omar. 2017. *Kajian Arkeologi di Gua Tok Sik, Gunung Pulau dan Gua Baling, Bukit Baling, Baling, Kedah*. Tesis Sarjana Persuratan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Termizi Bin Hasni. 2017. *Tapak Hunian Masyarakat Prasejarah Dan Protosejarah Di Sepanjang Lembangan Sungai Muda*. Tesis Sarjana Persuratan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2008. Jumpaan Bahan Arkeologi di Lembah Bujang. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (pnyt.). *Lembah Bujang Dari Perspektif Arkeologi dan Perlancongan*, hlm. 131-139. Bangi: Institut Alam Dan Tamadun Melayu.
- Shaiful Shahidan, Mokhtar Saidin, Nurul Amira Md. Isa, Nor Khairunnisa Talib & Shyeh S. K. 2018. Tapak Guar Kepah: Bukti Perkuburan Masyarakat Neolitik Di Dalam Timbunan Cangkerang Laut. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 11(2): 239-244.
- Sieveking, G.D.G. 1954. Excavation at Gua Cha, Kelantan 1954 Part 1. *Federation Museum Journal* 1 & 2: 75-143.
- Sieveking, G. de G. 1956. Recent archaeological discoveries in Malaya. *JMBRAS* 30(1).
- Solheim, W. G. II, Harrison, B & L. Wall, (1961). Niah “Three color Ware” and related prehistoric pottery from Borneo. *Sarawak Museum Journal* 10 (17-18): 227-237.
- Sorensen, P. 1988. Catalogue of the surface finds collected in 1960 during the reconnaissance in the Kanchanaburi Province by the Thai-Dutch prehistoric expedition, dlm. Sorensen, P. (pnyt.). *Archaeological excavation in Thailand, Surface finds and minor excavations*, hlm. 1 – 52.
- Scandinavian Institute of Asian Studies, Occasional papers no. 1, Corzon Press.
- Van Stein Callenfels, P. V. 1935. An Advance in Far-Eastern Prehistory: Prehistoric Kitchen-Middens in the Straits Settlements: Ancient Shell Heaps at Guar Kepah Containing Relics of an Australo-Melanesoid Culture in the Malay Peninsula. *The illustrated London news*, 13-15.
- Van Stein Callenfels, P. V. 1938. An Excavation of Three Kitchen Middens at Guar Kepah, Province Wellesley, Straits Settlement. *Bulletin of raffles Museum* 1 (1): 27-37).
- Williams-Hunt, P. D. P. R. 1951. Recent archaeological discoveries in Malaya (1945-1951). *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 24(1):186-191.

- William-Hunt, P.D.R. 1952. Recent Archaeological Discoveries in Malaya. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 25(1): 181-190.
- Wheatley, P. 1961. *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi. 2012. *Zaman Proto Sejarah di Malaysia Satu Pengenalan*. Institut Alam Dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuliskandar Ramli, 2012, *Kemakmuran Kedah Tua: Peranan dan Sumbangan Masyarakat Persisir Guar Kepah, Kedah; Warisan dan Sejarah*, Bangi, Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Zuliskandar Ramli & Ruzairi Arbi. 2014. *Penemuan Alat-Alat Batu Zaman Neolitik di Tebing Sungai Kelantan, Kampung Kubang Pak Amin, Tendong, Kelantan*. Dlm. Zuliskandar Ramli & Adi Baharudin (pnyt.). *Warisan Kelantan XXXIII*, hlm. 37-50. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Mohd Fauzan Zuraidi
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi Selangor
E-mel: mohdfauzanbinzuraidi@gmail.com

Zuliskandar Ramli, (Ph.D)
Professor Madya
Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 BANGI, Selangor.
Emel: ziskandar@ukm.edu.my

Yunus Sauman @ Sabin (PhD)
Pensyarah Kanan
Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemanusiaan
UPSI, Tanjong Malim, Perak
Email: yunus.sauman@fsk.upsi.edu.my

Received: 8 Januari 2022
Accepted: 16 Mac 2022
Published: 30 April 2022